



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 37 BILANGAN 19

RABU 6 MEI, 1992.

رابع 3 ذوالقعدة، 1412

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beramah mesra dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Sultan Pahang Darul Makmur.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor Darul Ehsan beramah mesra di istiadat kunjungan muhibah di Istana Nurul Iman. — Gambar oleh Pengiran Bahar PHO.

Kunjungan muhibah

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 April. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Sultan Pahang Darul Makmur telah berangkat ke Istana Nurul Iman bagi kunjungan muhibah ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Sultan Pahang berangkat tiba ke negara ini pada 28 April lepas.

Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Sultan Pahang di Istana Nurul Iman.

Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

LIHAT MUKA 13

Tiga unsur penting bawa kejayaan pembacaan Al-Quran

BERAKAS, 26 April. — Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain berkata terdapat tiga unsur penting yang membawa kejayaan pembacaan Al-Quran di negara ini.

Unsur-unsur yang utama, jelas Yang Berhormat, pertama, ialah dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa menggalakkan dan meningkatkan lagi mutu pembacaan Al-Quran di negara ini, contohnya Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran.

Kedua, ialah usaha kerajaan pada mempraktikkan dasar tersebut melalui berbagai usaha yang bersungguh-sungguh dan berbagai rancangan yang teratur lagi berdisiplin, namun jika pihak qari dan qariah itu sendiri tidak mengandakan usaha-

Oleh
Aliddin HM

usaha mereka khususnya dalam bidang latihan yang berterusan dan bimbingan yang berkesan maka kejayaan yang ingin dicapai hanyalah merupakan idaman yang terpendam.

Manakala unsur ketiga pula ialah latihan dan kegigihan yang datangnya dari pihak qari dan qariah itu sendiri. Kerana sungguhpun ada dasar yang baik dan bisai, dan sungguhpun ada usaha-usaha dan rancangan-rancangan yang teratur lagi berdisiplin, namun jika pihak qari dan qariah itu sendiri tidak mengandakan usaha-

Yang Berhormat menyatakan demikian di Majlis Penyampaian Kurnia Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran bagi Dayang Hajjah Jamilah binti Haji Abdi Manaf, pemenang ketiga dalam Pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia pada 24 Februari 1992, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

LIHAT MUKA 13

MANISNYA IMAN
"APAKAH manusia mengira bahawa mereka akan beraikan sahaja berkata, kami telah beriman walhal mereka belum mendapat cubaan. Sesungguhnya telah Kami cuba orang yang sebelum mereka supaya Allah mengetahui orang-orang yang berpuasa." — Maksud ayat 2 hingga 3, Surah Al-Ankabut.

Kunjungan muhibah

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Mei. — Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor Darul Ehsan dan isteri baginda, Yang Mulia Cik Puan Siti Aishah hari ini berangkat ke Istana Nurul Iman bagi kunjungan muhibah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Keberangkatan tiba baginda dan isteri serta rombongan di Istana Nurul Iman dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Berangkat sama di istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

LIHAT MUKA 16

فتيك تيتا

PETIKAN TITAH

"DI DALAM hasrat kita untuk membentuk sebuah negara yang aman, tenteram, pesat membangun dan digalati, maka adalah beta harapkan supaya seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa mematuhi dan menghormati setiap peraturan dan undang-undang negara ini, dan seterusnya memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak yang berwajib di dalam melaksanakan peraturan-peraturan dan undang-undang itu."

Dititahkan sempena sambutan hari keputeraan baginda ke-41 tahun di Lapsu, Bandar Seri Begawan pada 15 Julai, 1987.



PELITA BRUNEI
DITERBITKAN PADA TIAP TIAP HARI RABU

6 MEI, 1992 BERSAMAAN

1412 ذوالقعدة، 3

دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمَهَا
فَمُورَهُ دَانْ مَهَا فَبَايَغْ

SUKAT-SUKAT KEMAJUAN DAN KEJAYAAN KITA

BAGAIMANAKAH kita hendak mengukur kemajuan dan kejayaan kita selama ini setelah berbagai rancangan infrastruktur yang menggunakan teknologi tinggi dan peralatan-peralatan yang canggih dapat kita capai. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengeluarkan belanja yang cukup besar bagi rancangan-rancangan kemajuan tersebut yang dihasratkan untuk menyediakan berbagai kemudahan dan perkhidmatan semata-mata untuk kepentingan pengguna, sama ada orang ramai atau di pihak kerajaan sendiri.

Namun demikian kita masih juga mendengar sungutan dan keluhan orang ramai yang tidak puas hati terhadap kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan itu. Perkara inilah yang menimbulkan tandatanya mengapa sungutan-sungutan itu timbul sedangkan kemudahan-kemudahan sudah disediakan dan peralatan-peralatan yang digunakan pula boleh dikatakan di antara yang terbaik. Jika demikian halnya untuk menjawab soalan di atas tadi bentuk ukuran yang patut dibuat terhadap kemajuan dan kejayaan kita itu bukan terletak kepada banyaknya kemudahan, perkhidmatan atau kehebatan bangunan-bangunannya dan tidak juga kerana kecanggihan teknologi yang digunakan. Tetapi ialah kepentingan pengguna-pengguna sama ada orang ramai atau di pihak kerajaan sendiri hendaklah sentiasa terpelihara dan berjalan dengan lancar menurut yang sewajarnya. Di sinilah letaknya kemajuan dan kejayaan sesuatu rancangan itu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menegaskan perkara ini dalam titah baginda baru-baru ini mengenai sistem perhubungan di negara ini yang baginda hasratkan supaya sentiasa berjalan dengan baik dan memuaskan.

Pegawai-pegawai dan kakitangan terutamanya yang terlibat dengan perkhidmatan kepada orang ramai sepatutnya tidak hanya mampu bersungut atau mengeluh kerana kegagalan atau kelambatan menyelesaikan masalah-masalah lama, tetapi adalah lebih bijak kalau berusaha untuk memperbaiki sebarang kelemahan atau mengatasi kelambatan sesuatu rancangan yang dijalankan. Kerana dalam masa yang sama rancangan-rancangan baru akan terus menyusul satu demi satu. Ini bermakna di samping kita merancang untuk meningkatkan lagi taraf perkhidmatan, maka yang lebih penting juga ialah pengendalian yang cekap dan berjaya hendaklah dimiliki bersama oleh setiap pegawai dan kakitangan.

Sikap selalu 'menasabkan' atau menyalahkan masalah-masalah lama tidak akan dapat membawa kita ke tahap mana tetapi masih di peringkat yang sama. Akan tetapi dalam waktu yang sama orang lain dan negeri-negeri lain terus meningkat kemajuan dan perkembangan mereka.

Untuk menjadi satu bangsa yang progresif dan dinamik kita harus melihat secara positif kegagalan di masa lalu dan masalah-masalah lama sebagai satu cabaran yang memerlukan kita untuk melitigandakan usaha dan pencapaian kita dan seterusnya ke arah penghasilan dan pemberian perkhidmatan yang bermutu tinggi dan memuaskan.

Maka dapatlah disimpulkan kemajuan atau kejayaan sesuatu rancangan itu bergantung kepada kecekapan pengendalian atau pelaksanaannya serta benar-benar telah dapat memuaskan atau memenuhi keperluan pengguna-pengguna, bukan terletak pada kehebatan bangunannya atau peralatannya. Untuk itu kita perlu tunaikan tanggungjawab dengan sempurna dan berkesan bagi mencapai tahap kecemerlangan yang diidam-idamkan, sekurang-kurangnya sebanding dengan apa yang orang lain telah capai.

Sukat-sukat kemajuan dan kejayaan sesuatu rancangan KEPENTINGAN PENGGUNA SENTIASA TERPELIHARA DAN LANCAR — titah

Assalamu 'Alaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim


ALHAMDULILLAH
Rabbil 'Aalameen,
Wassalatu Wassalamu
'Alaa Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammadin,
Wa 'Alaa Aalihie Wasah-
bihiie Ajma'een, Waba'du.

Bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata-
ala, kerana dengan izin-
Nya jua, dapatlah kita
hadir bersama-sama pada
pagi ini dalam Majlis
Pelancaran Sistem Kabel
Dasar Laut di antara
Negara Brunei Darussalam
dan Republik Singapura.

Sebelum ini, perhu-
bungan telekomunikasi
kita dengan negara-negara
luar adalah melalui satelit.
Maka dengan berlansun-
nya pelancaran ini, ber-
makna satu era baru
dalam sistem perhubungan
negara telah kita teroka.

Telekomunikasi, khas-
nya perhubungan telefon,
adalah merupakan sesuatu
yang paling penting di
zaman moden ini. Ia bu-
kan sahaja untuk kepen-
tingan hubungan biasa,
malahan juga lebih diper-
lukan dalam urusan-urusan
seperti perniagaan dan
lain-lain. Oleh sebab
itulah, kerajaan beta
terpaksa menyediakan
peruntukan yang banyak
supaya perhubungan itu
dapat sentiasa bergerak
maju dan 'up-to-date'

KITA sesungguhnya tidak lagi mampu
untuk lebih lama bersungut kerana
kegagalan, ataupun kerana kelambatan
menyelesaikan masalah-masalah lama,
sedangkan rancangan-rancangan baru
terus menyusul satu demi satu. Ertinya,
di samping kita merancang untuk
meningkatkan lagi taraf sistem
perhubungan itu, maka yang lebih
penting juga, ialah pengendalian yang
cekap dan berjaya, hendaklah
sama-sama kita miliki.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khalil Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pelancaran Sistem Kabel Dasar Laut Negara Brunei Darussalam pada 24 Syawal 1412, bersamaan dengan 28 April, 1992.

mengikut perkembangan
masa.

Lebih-lebih lagi, men-
jelang abad ke 21 ini,
peranan telekomunikasi
dalam sesebuah negara
yang membangun adalah
semakin penting dan
mencabar. Tanpa adanya
infrastruktur telekomuni-
kasi yang lengkap dan
kemas, maka pemba-
ngunan dan kemajuan
negara mungkin sahaja
turut terjejas.

Oleh itulah, dalam
kesempatan ini, beta suka
mengingatkan kepada
semua pegawai dan kaki-
tangan di jabatan ber-

kenaan, supaya akan dapat
bekerjasama dengan se-
baik-baiknya dalam me-
laksanakan tugas masing-
masing di bidang yang
penting ini. Tunaikanlah
tanggungjawab dengan
sempurna dan berkesan,
bagi suatu tahap kece-
merlangan yang kita idam-
idamkan, sekurang-kur-
angnya sebanding dengan
apa yang orang lain telah
capai.

Kita sesungguhnya tidak
lagi mampu untuk lebih
lama bersungut kerana
kegagalan, ataupun kerana
kelambatan menyelesaikan
masalah-masalah lama,
sedangkan rancangan-ran-
cangan baru terus menyus-
ul satu demi satu. Ertinya,
di samping kita merancang
untuk meningkatkan lagi
taraf sistem perhubungan
itu, maka yang lebih pen-
ting juga, ialah peng-
endalian yang cekap dan
berjaya, hendaklah sama-
sama kita miliki.

Kita mahu kepentingan
pengguna-pengguna, sama
ada di pihak kerajaan
sendiri mahupun orang
ramai, adalah sentiasa
terpelihara dan lancar.

SEMENTARA pihak
kerajaan akan
terus berusaha
membaiki dan
meningkatkan lagi
mutu
perkhidmatannya,
maka di pihak
orang ramai pula
adalah diharapkan
supaya akan dapat
menjadi pengguna
yang baik dan
bertanggungjawab,
dengan mematuhi
segala peraturan
dan mengikuti
semua garispandu
pengguna yang
telah ditetapkan.

Pada hemat beta, di sinilah
letaknya sukat-sukat ten-
tang kemajuan dan kejaya-
an sesuatu rancangan itu.

Beta amatlah meng-
harapkan supaya kemen-
terian dan jabatan yang
berkenaan akan dapat
sentiasa mengkaji dan
memastikan yang sistem
perhubungan kita adalah
sentiasa berjalan dengan
baik dan memuaskan.

Sementara pihak kera-
jaan akan terus berusaha
membaiki dan meningkat-
kan lagi mutu perkhid-
matannya, maka di pihak
orang ramai pula adalah
diharapkan supaya akan
dapat menjadi pengguna
yang baik dan bertang-
gungjawab, dengan me-
matuhi segala peraturan
dan mengikuti semua
garispandu pengguna yang
telah ditetapkan.

Dengan mendahulukan
Bismillahir Rahmanir
Rahim, Wassalatu Was-
salamu 'Alaa Sayyidina Wa
Maulana Muhammadin,
Wa 'Ala Alaihiie Wasah-
bihiie Ajma'een, maka
beta lancarkanlah Sistem
Kabel Dasar Laut di
antara Negara Brunei
Darussalam dan Republik
Singapura ini.

Sekian, Wabillahir
Taufik Walhidayah.
Wassalamu 'Alaikum
Warahmatullahi Waba-
rakatuh.

٢٥ تاهون "ككل قارال ممريننه دأتن تحت

"25 TAHUN" KEKAL QARAL MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

PEMBANGUNAN BERTUJUAN UNTUK MENJAMIN KESEJAHTERAAN RAKYAT

PEMBANGUNAN kawasan bandar dan kemajuan perumahan di Negara Brunei Darussalam ini bermula pada tahun lima puluhan di bawah Rancangan Kemajuan Negara yang pertama yang membuka peluang kita untuk sama-sama menikmati kemajuan infrastrukturnya.

Percubaan pertama dalam rancangan kemajuan yang kita maksudkan itu ialah Rancangan Kemajuan Negara 1953 — 1958 yang sebetulnya belum lengkap kerana ia hanyalah mengira projek-projek kemajuan kerajaan yang berjumlah kira-kira \$100 juta untuk dilaksanakan.

Rancangan pertama kemajuan negara ini dibuat sebegitu rupa tanpa analisis yang terperinci baik dari segi susunan ekonomi, kemasyarakatan serta masalah-masalahnya di samping tidak mengambil kira tentang keperluan-keperluan dan cita-cita negara. Namun beberapa kemajuan infrastruktur sosial dan ekonomi telah dapat dicapai, contoh yang paling ketara ialah jalan besar yang menghubungkan antara Bandar Seri Begawan dan Seria serta beberapa buah sekolah menengah.

Rancangan Kemajuan Negara Kedua 1962 — 1966 adalah merupakan eksperimen kemajuan yang menyeluruh kerana tinjauannya meliputi bagi memantapkan lagi tujuannya ke arah mengukuh, memperbaiki serta memajukan kehidupan di segi ekonomi, sosial dan budaya.

Dalam Rancangan Kemajuan Negara kedua ini termasuklah pertambahan jalan raya yang baik dari 173 batu dalam tahun 1962 menjadi 274 batu pada tahun 1973 di samping terbinanya Lapangan Terbang Antarabangsa, Pelabuhan Air Dalam di Muara, janakuasa elektrik di Lumut, Kilang Penapisan Air di Layong, hospital-hospital di Kuala Belait dan Tutong di samping rakyat dan penduduk negara ini menikmati taraf hidup yang lebih baik dan selesa.

Kemudian Rancangan Kemajuan Negara yang bermula 1975 — 1979 adalah lebih menyeluruh dari kedua-dua rancangan kemajuan yang terdahulu dengan memberi lebih keutamaan dalam memelihara ke tahap peringkat pekerjaan yang mantap melalui kepelbagaian ekonomi yang boleh dicapai terutama di bidang pertanian dan perusahan.

Dalam waktu yang sama banyak pegawai-pegawai kerajaan telah dapat membina rumah masing-masing hasil dari pinjaman wang bagi membangun rumah dari pihak kerajaan menurut kemampuan dan jumlah pendapatan masing-masing.

Permintaan bagi rakyat dan penduduk negara ini ingin memiliki rumah sendiri baik melalui pinjaman wang dari kerajaan melalui skim berkenaan mahupun permintaan melalui skim perpindahan kian meningkat.

Kerana itu dalam tahun enam puluhan pihak kerajaan telah membina dan membangun dua kawasan perpindahan di Berakas yang masing-masing diberi nama Kampong Setia Bakti dan Kampong Jaya Setia.

Kedua-dua kawasan perumahan ini kebanyakannya diberikan kepada penduduk-penduduk Kampong Ayer yang telah



OLEH
MOHD. SALLEH ABDUL LATIF

menerima tawaran dari pihak kerajaan untuk bermastautin di daratan.

Sebagai langkah ke arah meninggikan taraf hidup rakyat maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berjaya mengadakan kajian seluruh negara pada tahun tujuh puluhan bagi mengenal pasti keperluan perumahan. Hasil kajian itu ialah lapan kawasan perumahan telah ditetapkan untuk dimajukan.

Perpindahan Lambak Kanan Fasa Pertama yang meliputi kawasan 810 hektar di mana 84 buah rumah adalah merupakan yang pertama dapat diselesaikan dalam projek kerajaan ini dan telah didiami oleh pemohon-pemohon yang berjaya pada awal 1986. Dua tahun setelah itu sejumlah 162 buah rumah di bawah Fasa Kedua telah siap.

Tambahan kepada itu, kerajaan baginda telah melancarkan Skim Perumahan Untuk Rakyat Jati di mana rakyat jati yang tidak mempunyai tanah dikurniakan satu lot tanah dengan sebuah rumah dengan kadar harga yang berpatutan. Skim ini dilancarkan pada tahun 1984.

Manakala itu pada 1983 dan 1984 kerajaan baginda juga telah berjaya melaksanakan dua projek perpindahan iaitu di Kampong Mata-Mata dan Kampong Serasa. Kampong Mata-Mata memuatkan 172 buah rumah sementara sebanyak 70

buah rumah di projek perpindahan Kampong Serasa.

Kemajuan perumahan ini baik dalam mana-mana skim pun secara langsung menambahkan kemajuan yang pesat dalam proses pembangunan negara.

Proses pembangunan ini semata-mata bertujuan untuk menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Tahap kehidupan bagi semua rakyat dapat ditingkatkan dengan adanya proses pembangunan yang berterusan, yang mana peningkatan taraf kehidupan ini pula dihasratkan akan dapat meningkatkan produktiviti dan seterusnya kemantapan ekonomi negara yang tercinta ini bagi sama-sama menanai serta membiayai kesejahteraan itu.

Dengan adanya perkembangan perumahan yang begitu tersusun lagi sempurna teratur maka negara kita tambah cantik dan bisai lalu menjadilah bumi darussalam ini kawasan yang aman, damai, bahagia dan tenteram.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat melawat Kampong Rataie dan Kampong Labu Estate, Daerah Temburong pada 7 Februari, 1991, di Dewan Sekolah Ugama Bokok antara lain bertitah :

"Beta perlu tegaskan di sini bahawa apa jua rancangan atau projek yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah semata-mata merupakan tanggungjawab yang perlu ditunaikan untuk memberikan kesenangan dan kesejahteraan kepada rakyat dan penduduk. Kerajaan

tidaklah mengharapkan apa-apa daripada rakyat dalam perkara ini tetapi kerajaan tahu bahawa rakyat sangat-sangat bergantung dan berharap kepada kerajaan. Maka untuk memenuhi harapan rakyat ini, insya-Allah kerajaan beta akan sentiasa berbuat apa saja yang perlu dan munasabah dari masa ke semasa."


Baginda memang sentiasa peka terhadap kepentingan-kepentingan rakyat baginda, kerana itu baginda berharap Skim Perumahan Untuk Rakyat Jati akan benar-benar dapat memberikan kesenangan dan kesejahteraan kepada rakyat bukan menjadi beban yang menyusahkan mereka.

Dalam hubungan ini baginda telah bertitah di majlis yang sama agar "Kementerian yang berkenaan akan mengkaji semula cara-cara atau syarat-syarat pembayaran balik bagi rumah-rumah yang diterima oleh pemilik-pemilik yang terlibat dalam skim ini."

Di antaranya yang terpenting ialah mengenai dengan tempoh masa pembayaran balik rumah-rumah tersebut bolehlah diperpanjangkan daripada yang ada sekarang.

Langkah ini dibuat sebagai satu cara untuk meringankan beban rakyat yang kurang mampu kerana kerajaan baginda adalah sentiasa memandang berat kebajikan rakyat dan penduduk yang terus-menerus memberikan kerjasama dan sokongan mereka ke arah apa juga usaha-usaha kerajaan.

KUNJUNGAN MUHIBAH KEBAWAH DYMM SULTAN PAHANG DARUL MAKMUR



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat mengalu-alukan keberangkatan muhibah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Sultan Pahang Darul Makmur berangkat balik.

DOA selamat dibacakan se-jurus sebelum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Sultan Pahang Darul Makmur berangkat balik. Juga kelihatan ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah dari salah seorang kerabat diraja Pahang.



BERANGKAT sama di Istana Nurul Iman ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mai Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, serta ahli-ahli kerabat diraja Pahang dan ahli-ahli kerabat diraja Negara Brunei Darussalam.

Gambar oleh
Haji Sharbini Taha
dan
Halim Haji Sulaiman



KELIHATAN Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, serta puteri-puteri Sultan Pahang berangkat ke Istana Nurul Iman (atas).

YANG Dimulakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan membacakan doa selamat (kanan).





Majlis meraikan pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan

Oleh
Dk. Fatimah PHMN

BERAKAS, 24 April. — Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, telah menghadiri Majlis Mengenang dan Meraikan Pertukaran Jawatan Pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan yang berlangsung di Mes Pegawai Kementerian itu di sini.

Majlis tersebut termasuklah meraikan pertukaran jawatan yang melibatkan pegawai-pegawai kanan kementerian itu iaitu Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji

Mohd. Alimin yang sebelum ini memegang jawatan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan dan Awang Haji Abdul Rahim bin Abd Latif yang mengambil alih jawatan Timbalan Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan di Kementerian Kewangan.

Di samping itu majlis juga meraikan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan yang baru Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Karim yang sebelum ini Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan dan Pengarah Politik dan Organisasi, Kementerian Pertahanan yang baru, Awang Haji Saifon bin Awang Haji Besar.

Dalam sabda ringkas, Yang Amat Mulia Timbalan Menteri Pertahanan itu, berkata, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin yang mulanya ditukarkan ke Berakas Kem sebagai Civil Secretary kepada Pemerintah Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei pada tahun 1980. Dari sanalah Dato Paduka memperoleh pengalaman tentang selok-belok pentadbiran tentera yang satu-satunya menjadi faktor pembantu dalam menyusun semula Kementerian Pertahanan pada akhir 1986 dan awal 1987 di mana Dato Paduka menyandang jawatan Pengarah Dasar dan Pentadbiran.

Atas ketekunan dan keupayaan Dato Paduka, tugas Yang Amat Mulia maka Dato Paduka dilantik selaku Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan.

"Sokongan Dato Paduka kepada pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei amnya dan Kementerian Pertahanan khususnya tidaklah dapat dinilai dan saya rakan-rakan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tinggi daripada saya dan ahli-ahli Kementerian Pertahanan dalam majlis ini sedikit sebanyak akan menjadi satu kenangan kepada Dato," tegas Yang Amat Mulia.

Majlis pada hari itu diselenggarakan dengan penyampaian cenderamata kepada pegawai-pegawai kanan yang bertukar ke kementerian-kementerian lain dan sumbangan derma kepada 55 pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan yang akan menunaikan fardu haji musim haji tahun ini oleh Timbalan Menteri Pertahanan.

Pertukaran, penetapan jawatan pegawai kanan kerajaan

YANG Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan (empat dari kiri) ketika hadir di Majlis Mengenang dan Meraikan Pertukaran Jawatan Pegawai Kementerian Pertahanan. Juga kelihatan dalam gambar ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin (tiga dari kiri); Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Karim, Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan (empat dari kanan) dan Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, Setiausaha Tetap (Pembangunan dan Kewangan), Kementerian Pertahanan (tiga dari kanan). — Gambar oleh Harun Rashid.

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Mei — Pada menjelang titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri adalah dengan ini mengumumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menamatkan pertukaran Dato Paduka Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar bin Dato Paduka Awang Haji Abdullah, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ke Kementerian Kesihatan sebagai Setiausaha Tetap kementerian tersebut.

Sementara itu, Pengiran Dato Paduka Mohd. Yassin bin Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin, Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan ditukar selaku Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pertukaran kedua-dua Setiausaha Tetap ini bermula hari ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan bagi kenaikan pangkat, pertukaran dan


penetapan jawatan pegawai-pegawai berikut mulai hari ini.

Dato Paduka Dr. Haji Hussein bin Haji Mohd. Daud, Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Pendidikan diatarkan bertukar sebagai Pengarah Perubatan dan Kesihatan, Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Pemangku Pengarah Penerangan di Pejabat Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dinaikkan pangkat dan seterusnya ditetapkan jawatannya sebagai Pengarah Penerangan, Pejabat Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohammad, Ketua Rancangan-Rancangan di Pejabat Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri dinaikkan pangkat dan seterusnya diatarkan untuk bertukar sebagai Pemangku Pengarah ASEAN EC Management Centre, Pejabat Perjawatan, Jabatan Perdana Menteri;

Awang Alias bin Haji Mohd. Yusof, Jurutera Kerja di Unit Petroleum, Jabatan Perdana Menteri dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pengarah Unit Petroleum, Unit Petroleum, Jabatan Perdana Menteri.



DATO Paduka Awang Haji Mohd. Yakub bin Abu Bakar menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang bekas haji Kementerian Kewangan. — Gambar oleh Harun Rashid.

Majlis Doa Selamat Bagi Bakal-bakal Haji

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 April. — Majlis Doa Selamat Bagi Bakal-bakal Haji Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah diadakan di kantin kementerian itu di sini.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar.

Sempena majlis itu, tetamu kehormat telah menyampaikan sumbangan derma hasil dari kutipan pegawai dan kakitangan kementerian itu kepada pegawai dan kakitangan yang menunaikan fardu haji tahun ini.

Hampir 3,000 jemaah haji akan bertolak ke Jeddah dalam 12 penerbangan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei yang bermula 13 Mei ini.



DATO Paduka Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Awang Haji Abdullah.



PENGIRAN Dato Paduka Mohd. Yassin bin Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.



DATO Paduka Dr. Haji Hussein bin Haji Mohd. Daud.



AWANG Haji Hazair bin Haji Abdullah.



PENGIRAN Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohammad.



AWANG Alias bin Haji Mohd Yusof.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS . . . Siri ke-638

TANDA-TANDA HAMPIR KIAMAT

PERKHABARAN RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM AKAN ORANG-ORANG SEKARANG YANG MENYELEWENG YANG ZANDIQ MENZAHIRKAN ISLAM DAN MENYEMBUNYIKAN KUFUR DALAM HATI DAN BAGINDA SEBUTKAN SIFAT-SIFAT YANG ADA PADA MEREKA SEKARANG.

TELAH diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim (kitab-kitab keduanya sebenar-benar kitab lepas Al-Quran Al-Karim) dari hadis-hadis Sayidina Ali Alaihissalam telah berkata : Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

"Akan keluar pada akhir zaman suatu kaum, suatu kumpulan, muda umur mereka, kurang akal mereka, mereka berkata-kata dengan sebaik-baik kata manusia (Rasulullah), tiada lebih iman mereka dari halqum (tekak) mereka, mereka meloncat dari agama Islam, sebagai meloncat anak panah dari mangsanya, di mana-mana kamu jumpa mereka maka kamu bunuh mereka. Kerana bahawa pada membunuh mereka adalah pahala bagi siapa membunuh mereka. (Ini menunjukkan mereka adalah orang murtad yang hukum mereka hukum bunuh dan pancung kepala sebagaimana Khalifah Sayidina Ali Radiallahuanhu memerangi orang Khawarij yang melampau itu)."

Diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dan At-Termidzi dan Ibnu Majah dari hadis sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

"Keluar pada akhir zaman (sekarang) suatu kaum dan suatu kumpulan, umur mereka muda, kurang akal, kurang pengalaman, mereka berkata dengan sebaik-baik kata manusia (Rasulullah), mereka membaca Al-Quran, tiadalah lebih iman mereka dari halkum dan dari batang tekak leher mereka (tiada beriman), mereka keluar dari agama Islam (dengan kata kufur dan perbuatan kufur dan niat kufur) sebagaimana anak panah meloncat keluar dari matlamat dan mangsanya, maka barangsiapa orang Islam berjumpa akan mereka maka hendaklah ia bunuh akan mereka, kerana bahwasanya pada membunuh mereka adalah suatu pahala daripada Allah bagi siapa membunuh mereka. (Maka hadis-hadis ini menerangkan dan mentafsirkan oleh setengah akan setengahnya)."

Orang-orang yang tersebut dalam hadis-hadis ini ialah orang-orang muda yang perosak, yang kafir, yang mulhid menyeleweng, yang keluar dari Islam dan meloncat dari agama, yang bermegah-megah dengan

Bahagian kedua



YANG Dimulikan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan.

kebangsaan dan jihad dan menghalau penjajahan yang menggunakan kata-kata dari Quran dan hadis-hadis tetapi mereka orang-orang yang mempertahankan kufur, dan menyiarkan bibit kufur, adab-adab kufur, akhlak kufur, pakaian kufur, kepercayaan dan akidah kufur, dan memerangi Islam, dan menghapuskan kecantikan Islam, dan kesan-kesan Islam, dan berusaha mencabutkan kebaikan Islam dari diri umat Islam, dan berkempen dengan kata-kata perbuatan dan kelakuan dengan seberapa usaha jikalau mereka dapat suatu jalan nescaya mereka jadikan umat Islam kufur, sebagaimana dibuat Attartuk yang kafir itu di Negara Turki bagaimana kata Mufti Negara Mashir Al-Allamah Muhammad Bakhit.

WALLAHU A'ALAM
(Bersambung)

KHUSYUK, IKHLAS DAN PENUMPUN DALAM SEMBAHYANG

DALAM melakukan ibadah sembahyang kita perlu berkeadaan khusyuk, ikhlas dan penumpun seluruh fikiran dan hati demi kerana Allah Subhanahu Wataala.

Khusyuk dalam sembahyang itu antaranya bererti menumpukan sepenuh perhatian tidak memperdulikan segala perkara yang lain sama ada dengan penglihatan mata, hati, malah berlaku tenang tidak mengalihkan pandangan dari tempat sujud. Fikiran dan perasaan tetap bulat tertumpu terhadap Allah Subhanahu Wataala ketika melakukan sembahyang dan tidak menggerakkan anggota badan sama ada ke kanan atau ke kiri, ataupun berpaling dan sebagainya.

Hadis riwayat Abu Hurairah, Al-Hakim dan At-Termidzi meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang bermaksud :

"Jika khusyuk hati, jiwa seseorang, tentulah khusyuk segala anggotanya."

Untuk mencapai kekhusyukan dalam melakukan sembahyang maka hendaklah ketika kita melakukan sembahyang perlu sekali kita memahami dan mengetahui apa yang kita baca dalam sembahyang baik dari segi bacaan ayat-ayat Al-Quran, selawat, zikir mahupun doa. Yang penting juga jauhi dari sifat was-was, lupa, lalai dan cuai dalam melakukan ibadah sembahyang malahan hendaklah kita bersifat ikhlas, waspada, kuat ingatan dan seumpamanya supaya ibadah sembahyang kita sempurna dan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wataala.

Adapun ikhlas dalam mengerjakan ibadah sembahyang bererti

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان فوسة دعوه اسلاميه

berlaku ikhlas semata-mata demi kerana Allah jua dan bukan kerana manusia atau faedah duniawi. Tegasnya, ikhlas dalam amalan zahir dan batin serta tidak mengharap pujian, sanjungan bahkan jauh dari sifat ria.

Selain dari itu, kita wajib takut akan Allah Subhanahu Wataala dalam melakukan kecaian ketika sembahyang, apatah lagi melakukan yang mungkar yang berlawanan dengan suruhannya. Justeru itu kita wajib menghindarkan diri dari melakukan sebarang dosa dengan cara sentiasa berwaspada dan ingat kepada Allah Subhanahu Wataala. Sesungguhnya seorang hamba yang berlaku takwa dan khusyuk dengan keikhlasan akan mendapat keutamaan di dunia dan akhirat dengan rasa ketenangan dan kebahagiaan hidup seperti Firman Allah dalam Surah Ar-Ra'd ayat 28 yang bermaksud :

"Bahawa mereka yang beriman akan tenang hati mereka dengan mengingat Allah. Ketahuilah bahawa dengan mengingat Allah, nescaya tenanglah segala hati." Dan firman-Nya lagi di dalam Surah Al-Baqarah ayat 238 yang bermaksud :

ADAPUN ikhlas dalam mengerjakan ibadah sembahyang bererti berlaku ikhlas semata-mata demi kerana Allah jua dan bukan kerana manusia atau faedah duniawi. Tegasnya, ikhlas dalam amalan zahir dan batin serta tidak mengharap pujian, sanjungan bahkan jauh dari sifat ria.

"Peliharalah semua sembahyang dan sembahyang yang utama, dan dirikanlah (sembahyang) semata-mata untuk Allah dengan khusyuk."



KEDUTAAN Besar Negara Brunei Darussalam di Oman telah mengadakan Majlis Khatamul Quran sempena Nuzul Al-Quran pada 20 Mac, 1992 bertempat di rumah kediaman Kuasasahua Sementara, Awang Haji Adanan bin Haji Zainal. Majlis tersebut kali kedua ianya diadakan sebagai kegiatan tahunan di bulan Ramadan yang diungayahkan oleh pegawai-pegawai kedutaan selain dari Sembahyang Sunat Tarawih berjemaah. — Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Peraduan Menulis Khat ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Mei. — Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan menganjurkan Peraduan Menulis Khat ASEAN kali ke-5 yang bertemakan 'Dakwah Melalui Keindahan Seni Khat' sempena sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Menurut pihak penganjur, peraduan itu terbuka kepada ahli-ahli khat umat Islam di kawasan negara-negara ASEAN dan dibahagikan kepada empat kategori berdasarkan jenis-jenis tulisan yang ditetapkan seperti Nasakh, Thuluth, Al-Farsi dan Dewanji Jali.

Keterangan lanjut dan borang-borang peraduan boleh didapati

dari Kedutaan-kedutaan Besar dan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Malaysia, Republik Indonesia, Republik Singapura, Thailand dan Republik Filipina atau menghubungi terus Urusetia Peraduan.

Segala penyertaan hendaklah dihantar kepada Setiausaha, Peraduan Menulis Khat ASEAN, Pusat Da'wah Islamiah, Kampong Pulaie, Negara Brunei Darussalam 3786 tidak lewat daripada 16 Julai, 1992.

Menurut pihak penganjur peraduan itu antara lain bertujuan untuk memperkembangkan seni khat Islam yang menjadi satu unsur peradaban dan tamadun Islam dari sejak lebih dari seribu tahun yang lalu selain menjadi salah satu galakan kepada penyertaan tulisan Jawi.

Kewajipan haji sangat besar dan bererti dalam hidup kita

LAKUKAN BENAR-BENAR KERANA ALLAH BUKAN HENDAK UNTUK BERNIAGA

MARILAH kita sama-sama menambahkan keimanan kita dengan melakukan perkara-perkara yang menuju ke arah ketakwaan dan menjauhi segala perkara-perkara yang membawa kepada kemurkaan Allah.

Ibadat haji adalah suatu ibadat yang sangat bererti bagi seluruh umat Islam. Ibadat inilah yang menyatukan umat Islam dari seluruh pelusuk dunia ke suatu tempat yang disucikan Allah. Di sini tidak ada perbezaan warna kulit atau pangkat sepertimana yang dikehendaki oleh Islam. Umat Islam tidak seharusnya memandang rendah terhadap seorang yang lain bukan hanya pada ketika mengerjakan haji itu tetapi juga pada setiap waktu. Dan ibadat haji adalah di antara latihan yang menuju ke arah nilai murni tersebut.

Haji ialah menziarahi Baitullah Al-Haram di Tanah Suci Makkatulmukarramah pada masa-masa tertentu dengan tujuan dan niat mengerjakan amalan-amalan Tawaf Baitullah, Saie, wukuf di Arafah, bercukur atau bergunting serta mematuhi perkara-perkara wajib dan larangan-larangan terhadap ibadat tersebut. Ibadat haji ini bukan hanya diwajibkan kepada kita umat Islam yang dipimpin oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tetapi juga telah diwajibkan kepada umat yang sebelum Baginda. Mengikut sejarahnya, Nabi Allah Ibrahim Alaihissalam telah mengisytiharkan kepada umatnya bahawa ibadat ini difardukan oleh Allah Subhanahu Wataala ke atas mereka.

Semenjak itu Nabi Allah Ibrahim Alaihissalam dan umatnya mengerjakan ibadat tersebut walaupun bentuk dan caranya berlainan dari umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Ibadat haji itu difardukan ke atas umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam tahun kesembilan Hijrah. Ia difardukan melalui ayat Al-Quran dalam Surah Ali-Imran ayat 97 yang tafsirnya :

"Dan kerana Allah mengerjakan haji adalah kewajiban manusia terhadap Allah iaitu bagi orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah."

Ia hanya wajib dikerjakan apabila ada kemampuan mengadakan perjalanan dan perbelanjaannya. Jika ia tidak mampu mengadakan keperluan-keperluan tersebut maka tidaklah diwajibkan mengerjakannya. Oleh kerana itu tidak perlulah ia berhutang demi mengerjakan suruhan tersebut. Cara seperti ini tidak dituntut oleh Islam. Walau bagaimanapun bagi orang yang mampu pada mengerjakannya maka ia sangat dituntut mengerjakannya bahkan yang tidak mampu pun mesti memasang niat hendak mengerjakannya jika ada kemampuan.

KITA melakukan haji itu biarlah tulus ikhlas kerana Allah. Dan jika kita wukuf di Arafah, bermalam di Muzdalifah, berhenti tiga hari di Mina, tawaf keliling Kaabah, Saie di antara Safa dan Marwah, semua itu bukanlah kerana menyembah sesuatu tempat bahkan jika kita dapat mencium batu hitam (Hajarul Aswad), itu semua hanyalah upacara dan sebenar-benarnya yang disembah hanyalah Allah.

Dalam hal itu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang ertinya :

"Barangsiapa mati padahal ia belum haji maka biarlah dia mati. Jika ia suka (pilihlah) jadi Yahudi atau Nasrani."

(Diriwayatkan oleh 'Addi daripada Abu Hurairah).


Hadis ini merupakan satu ancaman bagi yang tidak mahu mengerjakan haji sedangkan ia mampu mengerjakannya.

Dalam suatu riwayat Sayidina Umar Radiallahuanhu ketika telah menjadi khalifah pernah menyampaikan satu ancaman bagi orang-orang yang melalaikan kewajipan haji. Beliau berkata :

"Sesungguhnya ada maksudku hendak mengutusi beberapa orang ke negeri-negeri besar itu supaya mereka selidiki tiap-tiap orang yang mempunyai kemampuan padahal dia tidak juga pergi haji maka mereka dikenakan pada orang tersebut jizyah (cukai), sebab mereka bukan Islam, mereka bukan Islam."

Begitulah ancaman yang dibuat oleh Sayidina Umar kepada orang-orang yang mampu tetapi tidak mahu mengerjakan haji. Mereka dikenakan cukai sebagai orang-orang yang bukan Islam kerana mereka dianggap sebagai bukan Islam. Jadi ibadat haji itu bukanlah sesuatu perkara yang boleh dipandang ringan. Setiap kita mestilah berniat untuk mengerjakannya.

Asal perkataan haji itu (hajja) ialah bermakna 'qasada' ertinya sengahaja menuju sesuatu. Oleh itu dapatlah kita fahamkan daripada pengertian itu bahawasanya ibadat haji itu hendaklah diniatkan benar-benar, disediakan



diri benar-benar untuk mengerjakannya. Bukan main-main. Dan lagi bila kita baca dan ertikan ayat yang mewajibkan haji tadi, kita dapati pada awal ayat tersebut telah menyebutkan 'kerana Allah' (Walillah). Itu memberi erti bahawa haji itu hendaklah dilakukan benar-benar kerana Allah semata-mata, bukan kerana hendak mengaut keuntungan duniawi misalnya berniaga dan sebagainya. Kita melakukan haji itu biarlah tulus ikhlas kerana Allah. Dan jika kita wukuf di Arafah, bermalam di Muzdalifah, berhenti tiga hari di Mina, tawaf keliling Kaabah, Saie di antara Safa dan Marwah, semua itu bukanlah kerana menyembah sesuatu tempat bahkan jika kita dapat mencium batu hitam (Hajarul Aswad), itu semua hanyalah upacara dan yang sebenar-benarnya disembah hanyalah Allah.

Oleh kerana kewajipan haji itu begitu besar dan sangat bererti bagi hidup kita umat Islam maka janganlah kita sia-siakan pekerjaan haji kita itu dengan melakukan perbuatan yang boleh merosakkan atau mengurangkan pahala haji kita itu.

Di antara perkara-perkara yang merosakkan atau mengurangkan pahala pekerjaan haji kita ialah seperti yang disebutkan oleh Allah di dalam kitab Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 197 yang maksudnya :

"Musim haji adalah beberapa bulan dimaklumi, barangsiapa yang menetapkan niatnya dalam bulan itu akan mengerjakan haji maka tidak boleh mengeluarkan perkataan yang menimbulkan berahi yang tidak senonoh atau bersetubuh, berbuat fasiq dan berbantah-bantahan di dalam masa mengerjakan haji."


IA hanya wajib dikerjakan apabila ada kemampuan mengadakan perjalanan dan perbelanjaannya. Jika ia tidak mampu mengadakan keperluan-keperluan tersebut maka tidaklah diwajibkan mengerjakannya. Oleh kerana itu tidak perlulah ia berhutang demi mengerjakan suruhan tersebut. Cara seperti ini tidak dituntut oleh Islam. Walau bagaimanapun bagi orang yang mampu pada mengerjakannya maka ia sangat dituntut mengerjakannya bahkan yang tidak mampu pun mesti memasang niat hendak mengerjakannya jika ada kemampuan.

وقت سمیع، امساك دان منھاري تربیت

وقت سمیع، امساك دان منھاري تربیت باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 3 ذوالقعدة 1412 برسمان 6 مي، 1992 هيگك كهاري ثلاث، 9 ذوالقعدة، 1412 برسمان 12 مي، 1992 اداله سمرت دباوه اين :-

هاربول	ظھر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	منھاري تربیت	هاربول
ذوالقعدة	برمولا	برمولا	برمولا	برمولا	برمولا	برمولا	تربیت	ذوالقعدة
3	12.18	3.36	3.37	6.26	6.27	7.38	6.07	6
4	12.18	3.37	3.38	6.26	6.27	7.38	6.07	7
5	12.18	3.37	3.38	6.26	6.27	7.38	6.07	8
6	12.18	3.37	3.38	6.26	6.27	7.39	6.06	9
7	12.18	3.37	3.38	6.26	6.27	7.40	6.06	10
8	12.18	3.38	3.39	6.26	6.27	7.40	6.06	11
9	12.18	3.38	3.39	6.26	6.27	7.40	6.06	12

وقت سمیع دان امساك باكي دائره بلایت هندقله دتبه تیگ مینیت دان دائره توتوغ هندقله دتبه ساتو مینیت منکالا باكي دائره تمبوروغ هندقله دكورغكن ساتو مینیت تیغ 2 وقت. سمیع فرض جمعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام دمولا دري فوكل 12.45 نھاري.



KEBAWAH DYMM BERKENAN M SISTEM KABEL DASAR



NEGARA Brunei Darussalam telah menempah satu lagi sejarah dalam perkembangan telekomunikasi apabila satu Majlis Pelancaran Sistem Kabel Dasar Laut Optik Fiber Negara Brunei Darussalam-Singapura, Brunei Darussalam - Malaysia dan Filipina telah diadakan dengan rasminya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Bangunan Telekom Tungkong pada 28 April lepas.

Berangkat sama di majlis pelancaran tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Projek tersebut menelan belanja kira-kira 200 juta ringgit Brunei dan telah dibina selama 13 bulan oleh NEC Corporation dari Jepun. Ianya termasuklah merancang, pembuatan, pembinaan, pemasangan, penghantaran, pemasangan, pengujian dan pelancaran bagi sistem kabel tersebut.

Sistem Kabel Dasar Laut Negara Brunei Darussalam - Singapura mempunyai dua

PENGARAH Telekom, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar menyembahkan penerangan ke hadapan majlis baginda mengenai contoh kabel optik fiber yang digunakan dalam Sistem Kabel Dasar Laut Negara Brunei Darussalam yang dipamerkan bersempena majlis pelancaran sistem tersebut.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengumukan titah di Majlis Perasmian Pelancaran Sistem Kabel Dasar Laut Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Bangunan Telekom Tungkong (atas).

BAGINDA sedang meneliti laporan operasi Sistem Kabel Dasar Laut yang dikeluarkan oleh komputer sambil disebarkan penerangan oleh salah seorang kakitangan semasa baginda berangkat melalui ke Bilik Kawalan Bangunan Telekom Tungkong (kanan).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ketika berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Sistem Kabel Dasar Laut Negara Brunei Darussalam di Bangunan Telekom Tungkong (kiri).




BAGINDA sedang menyaki seorang operator yang mengoper antarabangsa dengan menggunakan cangkai untuk dihubungkan ke bandar Se (kanan).

YANG Amat Mulia Pengiran juga berangkat ke Majlis Pelancaran Sistem Kabel Dasar Laut Negara Brunei Darussalam.

YANG Berhormat Menteri-Menteri Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Melayu menyaksikan upacara perasmian Sistem Kabel Dasar Laut antara Brunei Darussalam dengan Republik (sekal).

SETIAUSAHA-SETIAUSAHA (ketua jabatan serta pegawai-pegawai yang sama-sama hadir di Sistem Kabel Dasar Laut Darussalam (kiri dan kiri sekali).



**INGATKAN KELUARGA DAN MASA DEPAN BISKITA
KETIKA BERADA DI JALAN RAYA**

**KE ARAH MEMAKMURKAN
MASJID**



MASJID bukan sahaja merupakan syiar kepada agama kita bahkan juga menjadi tapak atau asas menjelmakan perpaduan ummah. Kerana menerusi institusi masjidlah terciptanya perundingan dan permuafakatan yang membawa kepada kerjasama dan persahabatan yang mendalam.

Di antara faedah yang diperolehi daripada masjid, selain daripada pahala ibadat ialah juga ilmu pengetahuan dan keberkatan yang bertunjang ke hati dan ke jiwa yang menjadikan seseorang itu menjadi tenang, gembira ingatkan Allah, khusyuk dan bahagia.

RENCANA LANJUT DI MUKA 2

ANTARA KANDUNGAN

- Syair Rakis Adalah Sebagai Titik-Tolak Kesusasteraan Moden Brunei — muka 3
- Cerpen — Benci Sampai Bila — muka 4 & 5
- Pat-Pat Gulambir — muka 12
- Apa Pendapat Biskita — muka 6
- Rancangan Radio & Tv — muka 8 & 9
- Restpi — Pulutku, kacang kukus — muka 6

Rencana

رئحان

INSTITUSI masjid adalah satu syiar agama Islam yang penting dan berkesan tanpa masjid perpaduan ummah tidak akan wujud dan menjelma. Dengan statusnya yang tersendiri, tidak mengira apa juga bentuk dan saiznya, masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat peribadatan tetapi juga untuk melancarkan operasi kebajikan dunia dalam menanai kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Masjid adalah bangunan Islam yang menjadi lambang kepada syiar Islam. Masjid juga menjadi pusat bagi mengembangkan ajaran-ajaran Islam, pusat perhimpunan yang menyatupadukan umat Islam yang di dalamnya umat Islam beribadat dengan lebih khushuk dan tawaduk, mengerjakan sembahyang berjemaah, menimba ilmu pengetahuan dan menerima nasihat dan pengajaran demi untuk kebaikan dan kesejahteraan ummah di dunia dan di akhirat.

Tegasnya masjid adalah simbol kewujudan dan kedaulatan umat. Kerana menerusi institusi masjidlah terpancar dan terciptanya unsur-unsur permufakatan dan perundingan serta permuzakarah yang pastinya membawa kepada konsep kerjasama dan persefahaman yang mendalam.

Memandangkan pentingnya institusi masjid ini, maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meluluskan suatu peruntukan khas dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-6 bagi pembinaan

Oleh
Jaafar HI

masjid-masjid baru di seluruh negara. Kerana kepentingan dalam perpaduan ummah itulah, pembinaan masjid-masjid diberikan prioriti utama dalam rancangan kemajuan negara. Kemajuan negara memerlukan perseimbangan antara pendidikan rohani dan jasmani. Maka di sinilah fungsi masjid itu dianggap penting.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika Majlis Penyerahan Anak Kunci Rumah Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Lambak Kiri pada 5 Februari, 1992, baginda antara lain menitahkan :-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat melawat ke salah sebuah masjid di negara ini.

MEMAKMURKAN MASJID JADI TANGGUNGJAWAB UMAT ISLAM

"Bahawa keperluan terhadap masjid atau surau turut amat mendesak kerana perkembangan dunia hari ini menghendaki kita supaya menyediakan tempat bagi memelihara keimanan ummah yang selalu sahaja digugat dan diserang oleh bermacam-macam rupa dan bentuk budaya baru yang tidak selaras dengan akhlak Islam dan budi pekerti bangsa, khususnya bagi belia-belia dan anak-anak kita, mereka itu perlu diberikan perlin-

duangan yang secukupnya supaya tetap terpelihara akidah dan budaya Islam mereka, iaitu caranya dengan melatih dan menggalakkan mereka ke masjid untuk mendapatkan manfaat dan faedah darinya."

Dan alhamdulillah di negara kita, satu gambaran yang menggembirakan dapat dilihat di mana masjid-masjid atau balai-balai ibadat yang lain sangat mendapat sambutan dari kalangan umat Islam misalnya semasa Sembahyang Fardu Jumaat, sembahyang Tarawih dan bertedurus dan seumpamanya, ianya sentiasa ramai dan penuh.

Dan bagi tujuan untuk lebih menyemarakkan dan memakmurkan fungsi masjid dalam kehidupan bermasyarakat ianya hendaklah diikuti dengan langkah-langkah penerusan dan galakan misalnya mengadakan lebih banyak kegiatan-kegiatan bermanfaat dan bercorak ilmu yang akan berjalan dengan cara yang teratur serta berterusan.

Inilah cara bagaimana kita menggunakan masjid untuk memupuk serta memperkaya personaliti jemaah dalam berbagai-bagai bidang ilmu, kerohanian, mental dan moral. Langkah serupa ini amatlah wajar sebagai salah satu usaha menambahkan lagi kehebatan 'Rumah Allah', kerana apabila sebuah masjid itu rancak berfungsi menjalankan kegiatan-kegiatan keilmuan dan keagamaan,

maka masjid itu tetap menjadi hebat di hati manusia.

Ke arah memakmurkan fungsi masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, kini terus berusaha dengan gigih untuk memakmurkan masjid-masjid di negara ini. Antara usahanya tersebut termasuklah dengan mengadakan kursus-kursus bagi pelapis-pelapis imam dan bilal di negara ini yang mana kursus seumpama ini sedang dirancang oleh kementerian berkenaan bagi para guru agama bagi tujuan menyediakan tenaga-tenaga yang diperlukan.

Selain daripada itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama juga sedang berusaha untuk mendatangkan beberapa orang guru Al-Quran dari luar negeri dalam usaha untuk menampung keperluan tenaga-tenaga pengajar Al-Quran di negara ini.

Pada bulan Mac yang lalu, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah melancarkan penubuhan perpustakaan di masjid-masjid di seluruh negara. Pelancarannya telah dilakukan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Penubuhan mini perpustakaan ini sepatutnya mendapat sambutan dan sambutan yang tinggi daripada semua umat Islam kerana salah satu fungsi masjid adalah tempat menimba dan menyebarkan ilmu pengetahuan. Penubuhan perpustakaan sebenarnya juga adalah satu manifestasi ketinggian pengetahuan agama Islam yang berpunca dari dan kepada Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana yang dianjurkan dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah.


Walau bagaimanapun, usaha memakmurkan masjid ini adalah menjadi tanggungjawab semua umat Islam di negara ini, janya bukan saja tertumpu kepada para pegawai masjid dan pegawai-pegawai urusan masjid saja untuk memakmurkannya.

Peranan umat Islam ialah supaya sentiasa mendukung apa-apa juga kegiatan yang diadakan di masjid-masjid, surau-surau atau balai-balai ibadat di mukim-mukim dan di kampung-kampung serta melibatkan diri dan mengambil bahagian dalam apa jua kegiatan yang dijalankan. Kerana dengan cara itu kita akan dapat mewujudkan masyarakat yang berilmu pengetahuan dan mewujudkan perpaduan ummah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia pernah bertitah bahawa masjid bukan sahaja merupakan syiar kepada agama kita, malah ianya juga menjadi tempat dan asas menjelmakan perpaduan ummah. Daripadanya terciptanya muafakat dan perundingan yang membawa kepada kerjasama dan persefahaman yang mendalam.

Kerana, menurut baginda, jika dibuka catatan peristiwa yang berhubung dengan masjid, maka musuh-musuh Islam sangatlah susah hati mendapati kemajuan masjid dan hatta setakat melihat bangunan masjid itu pun, kalau boleh, mereka tidak mahu.

Begitulah kehebatannya 'Rumah Allah' bagi umat Islam, kerana institusi masjid bukan sahaja dapat membentuk sebuah masyarakat bahkan sebuah negara. Faedah atau kebaikan yang diperolehi daripada masjid selain daripada pahala ibadat, juga ilmu pengetahuan dan keberkatan yang bertunjang ke hati dan jiwa, yang menjadikan seseorang itu berperasaan tenang, gembira, khushuk, bahagia dan dapat menyembuhkan berbagai-bagai penyakit di dalam masyarakat.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim menyaksikan koleksi buku-buku agama sejurus selepas merasmikan Pelancaran Penubuhan Perpustakaan Di Masjid-masjid Di Seluruh Negara pada bulan Mac yang lalu.



INSTITUSI masjid dapat memupuk personaliti jemaah sesuai dengan konsepnya sebagai pusat perhimpunan dan tapak bagi mewujudkan perpaduan ummah.

Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

SYAIR RAKIS ADALAH SEBAGAI TITIK-TOLAK KESUSASTERAN MODEN BRUNEI

OLEH HAJI ABDUL HAMID JALUDIN
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PENGIRAN Shahbandar Mohammad Salleh (PSMS) telah melihat keadaan Kesultanan Brunei pada zaman dahulu begitu kuat dan gagah seperti harimau garang tetapi akhirnya menjadi lemah dan kecil seperti bilik dan jadi cencudik (anak udang galah).

*Sudah kehendak Tuhan yang kayanya Gunung yang tinggi menjadi paya
Pari menjadi si kura-kura
Bingkarung sudah jadi buaya.*
(Rakis hal. 68).

Daripada perlambangan di atas dapatlah kita tafsiran bahawa keadaan dalam Negeri Brunei ketika itu sudah banyak yang berubah dan menyolok mata.

Krisis moral telah berlaku di sana sini dan diikuti pula oleh sikap yang suka berpoya-poya dan mementingkan diri sendiri. Semuanya ini adalah sifat yang hanya merugikan bangsa, masyarakat dan negara.

*Hairan dagang ajah pula
Kehendak Tuhan Azza-Wajalla
Seekor naga tujuhnya cula
Sekarang menjadi ikan tempala.*
(Rakis hal. 72).

Kekuasaan dan kekuatan raja-raja Melayu khususnya di Brunei adalah semakin merosot. Semua ini menjadi tanda tanya kepada PSMS seperti yang dikatakannya sekarang menjadi

PEMIKIRAN dan idea-idea yang melahirkan Syair Rakis dan sekaligus PSMS sebagai pelopor sastera Melayu moden di Brunei adalah hasil daripada pertembungan dunia Barat dan Timur. Daripada pertembungan itulah yang membawa lahirnya Syair Rakis di kalangan masyarakat khususnya di Negara Brunei Darussalam.

SIRI AKHIR

ikan tempala (sejenis ikan yang tiada berbisa).

Daripada petikan-petikan yang diberikan di atas kita dapati PSMS sering menggunakan perlambangan yang diambil daripada nama-nama binatang, ikan, benda-benda, keadaan alam dan sebagainya.

Sebagai contoh ialah seperti : Nyamuk, unggas, kukang, pipit, anggang, harimau, kura-kura, bingkarung, buaya, naga, geruda, udang galah, cencudik, pari, ikan tempala, bunga, buah, buah kelapa, kumala, gunung, padang, paya, kasturi, bumi, gempa dan sebagainya.

Kebijaksanaan PSMS menggunakan bentuk perlambangan ini ialah dari binatang yang sekecil-kecilnya dan selemah-lemahnya (nyamuk) sehinggalah kepada binatang yang sebesar-besarnya dan segagah-gagahnya (geruda).

Kesan Mendalam

Jika Profesor Syed Muhammad Naguib Al-Altas mengiktiraf bahawa Hamzah Fansuri sebagai pelopor Kesusasteraan Melayu Moden kerana isi karya, iaitu isi yang mengandungi falsafah keagamaan yang mendalam dan bersifat intelektualisme. Isi fikiran ini dipersembahkan oleh Hamzah Fansuri melalui gaya bahasa yang indah di dalam syair-syairnya.

Keindahan gaya bahasa ini menyebabkan penulis-penulis termasuk ulamak dan ahli-ahli fikir kemudiannya mengikut gaya bahasa Hamzah. (Rahman Shahr, Kritikan Sastera Melayu, Pendekatan dan Pemikiran, DBP, Kuala Lumpur 1988. Hal. 117).

Jadi ukuran sedemikian yang diberikan kepada Hamzah Fansuri juga dapat kita perhatikan di dalam Syair Rakis. Kita dapat melihat bagaimana kebijaksanaan PSMS menyusun kata-kata dan perlambangan yang begitu indah dan amat memberi kesan yang mendalam kepada pembaca.

Jika kita perbandingan secara ringkas ternyata Hamzah Fansuri dan PSMS mempunyai persamaan dalam menggunakan kata-kata perlambangan daripada nama-nama binatang dan sebagainya.

Misalnya dalam judul syair-syair Hamzah Fansuri terdapat nama-nama binatang seperti Syair Burung Pungguk, Syair Burung Pingai dan Syair Perahu. Sebagai contoh :

*Unggas pingai bukannya balam
Berbunyi siang dan malam
Katanya akan hal alalam
Hamzah Fansuri sudahlah karam.*

(Syair Burung Pingai)
*Wahai muda, kenali dirimu
Lalah perahu tamtil tubuhmu
Tiadalah berapa lama hiduimu
Ke akhirat juga kekal diammu.*
(Syair Perahu).

Daripada petikan Syair Burung Pingai dan Syair Perahu itu ternyata Hamzah Fansuri menggunakan nama-nama unggas pingai, balam dan perahu sebagai perlambangan.

Kerana Hamzah Fansuri dianggap sebagai pelopor penulis syair iaitu lebih kurang dalam abad ke-17, maka dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa PSMS telah menerima pengaruh daripada Hamzah Fansuri, Matug At-Tayyir dan Sultan Badaruddin (Palembang). Mungkin sewaktu berada di Betawi itulah Al-Marhum banyak membaca dan mempelajari syair-syair karya mereka tersebut.

Menurut pendapat Haji Hashim Haji Abdul Hamid "Dari itu tidak hairan pengarang Syair Rakis ini bukan calang-calang penulis/pengarang abilitinya diterima oleh kawan dan lawan. Lantaran itu tidak menjadi hairan kepada kita bahawa Syair Rakis ini sebuah karya puisi lama yang cukup mengagumkan." (Majalah Bahana, DBP, Brunei jilid 20, Bil 50 Sept. 1985, hal 26).

Selain daripada itu unsur-unsur agama juga banyak terdapat di dalam syair tersebut.

Pemikiran dan idea-idea yang melahirkan Syair Rakis dan sekaligus meletakkan PSMS sebagai pelopor sastera Melayu moden di Brunei adalah hasil daripada pertembungan dunia Barat dan Timur.

Daripada pertembungan itulah yang membawa lahir

nya Syair Rakis di kalangan masyarakat khususnya di Negara Brunei Darussalam.

Pengiran Shahbandar Mohammad Salleh (PSMS) juga telah dapat mempelajari taktik penjajahan Inggeris dan Belanda. Jika Abdullah Munshi menyanjung dan memuja akan kebaikan penjajahan Inggeris itu di Melaka dan di Singapura tetapi PSMS adalah sebaliknya.

Beliau telah melihat bagaimana lacin dan halus-baya diplomasi Inggeris dan Belanda itu dalam memainkan peranannya di kawasan Nusantara ini. Antaranya telah dibayangkan oleh PSMS :

*Pulau Labuan diminta segera
Akan tempat tiang bendera
Di sana tempat berkira-kira
Dari Sarawak ke Singapura.*
(Rakis hal. 15).

*Tiadalah tauanku menderang warta
Sultan Mataram punya berita
Sebab tiada pandai berkata
Dibuang kompeni dari atas takhta.*
(Rakis hal. 17).

*Akan khabarnya sudah sekarang
Di negeri Johor terditi tiang
Sebab Che Montel hatinya terang
Jadi berani mencabut pulang.*
(Rakis hal. 60).

Satu lagi unsur pemodenan yang terdapat di dalam Syair Rakis ini ialah dengan adanya penggunaan Bahasa Inggeris dan Belanda. Dengan penggunaan kata-kata tersebut adalah membuktikan lagi keintelektualan PSMS itu.

Contoh kata-kata asing yang digunakan oleh beliau ialah : Kompeni tandaran, henderik, pitur, gobermin, kantur dan sebagainya.

Sikap kritis seperti yang dinyatakan di atas adalah merupakan suatu pemisahan dari sikap lama masyarakat yang berlingdung di

KESAN positif pula ialah segala pemikiran, kritikan, analisa dan cita-cita PSMS telah memberikan sumbangan dan pengaruh di kalangan masyarakat Melayu Brunei. Segala andaian dan tafsirannya itu adalah benar dan semuanya menjadi kenyataan pada hari ini. Pengiran Shahbandar Mohammad Salleh (PSMS) adalah seorang pembesar Brunei yang berkaliber, jauh pandangannya dan berwibawa yang seharusnya dicontohi oleh pembesar-pembesar di negara kita Brunei Darussalam ini.

bawah sistem feodal. Dan ukuran seperti inilah juga yang diletakkan dalam memperkatakan Abdullah Munshi dan Hamzah Fansuri sebagai pelopor sastera Melayu moden.

Daripada pandangan yang dinyatakan di atas kita membuat suatu kesimpulan bahawa Abdullah Munshi, Hamzah Fansuri dan PSMS adalah selaku pelopor sastera moden di Nusantara ini, kerana ukuran dan ciri-ciri yang menjadi pegangan dalam penilaian pemodenan itu adalah dimiliki oleh ketiga-tiga tokoh ini.

Kesimpulan

Lantaran kandungan Syair Rakis itu begitu tajam sindiran dan bernilai, maka ianya telah melahirkan beberapa implikasi.

Menurut pendapat Metussin bin Omar "Syair Rakis melahirkan dua implikasi yang berbeza kepada pengarangnya dan kepada masyarakat serta Negeri Brunei sendiri. Dua implikasi yang berbeza yang saya maksudkan itu ialah kesan negatif kepada PSMS dan kesan positif kepada kesedaran dalam pembangunan bangsa tanahair Brunei." ("Imej dan cita-cita,"

Kertas Kerja Hari Sastera 1980. Kuala Lumpur).

Apa yang kita fahamkan dengan negatif itu ialah akibat yang telah ditanggung oleh PSMS sehingga membawa kepada peristiwa pembunuhan di Lubai dalam tahun 1858 yang dilakukan oleh suruhan Pengiran Digadong Mohammad Hassan.

Peristiwa ini berlaku adalah kerana salah faham atau salah pengertian terhadap seuntai petikan yang terdapat di dalam Syair Rakis itu. Petikan itu ialah :

*Ayuhai cunda malai suntingan
Carilah fikir dengan rundingan
Sadang bergurau malam siang
Ninda memandang sayang-sayangan.*
(Rakis hal. 74).

Daripada suntingan ini Pengiran Digadong Mohammad Hassan merasa tersinggung dengan istilah 'malai suntingan' yang diertikan beliau sebagai anak angkat atau anak pungut.

Kesan positif pula ialah segala pemikiran, kritikan, analisa dan cita-cita PSMS telah memberikan sumbangan dan pengaruh di kalangan masyarakat Melayu Brunei. Segala andaian dan tafsirannya itu adalah benar dan semuanya menjadi kenyataan pada hari ini. Pengiran Shahbandar Mohammad Salleh adalah seorang pembesar Brunei yang berkaliber, jauh pandangannya dan berwibawa yang seharusnya dicontohi oleh pembesar-pembesar di negara kita Brunei Darussalam ini.

Tema Syair Rakis 'Jika Brunei bersahabat dengan Inggeris Brunei akan dikuasai oleh Inggeris' itu sebenarnya adalah menggambarkan bahawa Syair Rakis sebagai manifestasi sejarah dan nasionalisme.

SATU lagi unsur pemodenan yang terdapat di dalam Syair Rakis ini ialah dengan adanya penggunaan Bahasa Inggeris dan Belanda. Dengan penggunaan kata-kata tersebut adalah membuktikan lagi keintelektualan PSMS itu. Contoh kata-kata asing yang digunakan oleh beliau ialah : Kompeni, tandaran, henderik, pitur, gobermin, kantur dan sebagainya.

SUASANA petang yang muram semakin kelam. Cahaya matahari yang redup mulai pudar di kaki langit. Aku semakin terasa terasing di keheningan alam yang membungkus sekitar. Sekali-sekala matak merenung keindahan alam tumpah

darahku.

Aman, damai dan permai, namun hanya tidak seperti kehidupanku. Kehidupan seorang gadis remaja yang begitu hanyut di dalam arus pembangunan negara yang pesat. Aku sendiri seolah tidak pernah mengenali diriku. Apalagi mengetahui matlamat hidupku.

Aku tidak mengerti apa serta di mana arah tujuanku berada di atas alam yang bernama bumi ini. Mungkin itu puncanya aku meniplak identiti seorang rocker untuk topeng diriku, kerana aku gagal untuk mencari diriku sendiri.

Mataku memerhatikan tempat kediamanku. Sebuah rumah pangsa di dalam sebuah bangunan pencakar langit. Sebuah tempat kediaman yang indah dan mewah. Sayangnya rumah itu terlalu sunyi. Sepi dan kosong, sekosong hati penghuninya.

Aku tidak nafikan bahawa rumah ini begitu cantik, sempurna dan selesa, namun aku bosan tinggal di tempat ini.

Selama lapan belas tahun aku hadir di dunia ini. Hidupku masih mendarat. Mungkin itu sudah suratan nasibku. Zahirnya aku diketahui sebagai seorang gadis yang liar, itulah masalahku.

Aku liar! Aku begitu puas menikmati dan mengecapi bermacam ragam keseronokan yang sering terlintas di benak hati setiap manusia. Malangnya tidak pernah mengisi hati dan jiwa ragaku. Semuanya itu tidak pernah menghibur atau menggembirakan batinku.

Dari sejak buaian lagi, aku terdidik dengan hal-hal kebendaan, duniawi dan trend. Latar belakang keluargaku, banyak mengajar aku untuk lebih mementingkan serta mengutamakan wang dari apa saja termasuk kasih sayang.

Malangnya aku sendiri tidak pernah mengerti apa erti kasih sayang. Mungkin jua kasih sayang terlalu sukar untuk wujud ke dalam hidupku. Selama ini aku tidak pernah memberi dan menerima sebarang kasih sayang, meski dari orang yang telah melahirkan aku ke dunia ini.

Kusedut angin kemudian menghembuskannya cepat-cepat disertai dengan keluhan kecil, seperti aku menyesali perjalanan hidup yang mewarnakan dan mengukir corak hidupku.

Aku sama sekali jelas tidak menyukai kehidupanku. Malah aku begitu membenci diriku sendiri. Kadang timbul juga rasa berdosa kerana memusuhi dan mencera orang lain.

Bukankah, lebih bertuahnya hidup seorang pengemis yang mempunyai tujuan meminta-minta untuk menyara



Buruk prasangkaku mula timbul. Aku sadar hidup manusia sekarang ini penuh dengan kepalsuan tidak seperti cerita-cerita tatarakyat yang pernah kudengar.

Bila kakiku melangkah ke sebuah pejabat, aku terus menuju meja yang tertulis 'Tempat Bertanya'. Aku terpaksa menunggu beberapa minit untuk menemui orang yang menelefon semalam.

Ketika sedang menunggu itu, aku memerhatikan kebersihan dan kekemasan pejabat itu. Kalau pejabat cantik manapun, kalau pekerjaannya tidak bersopan, memang tidak berguna, akhirnya orang awam akan bersikap tidak hormat langsung.

"Malhafiza." Satu suara mengejutkanku.

"Ya?" Spontan aku menoleh.

"Silalah masuk ke pejabat saya."

Seorang lelaki memerintahkanku. Aku akur dan cuma mengekorinya di belakang. Terasa aku seperti pekerjaannya pula.

"Silalah duduk." Satu pelawaan yang biasa.

Aku duduk di atas kerusi di hadapan mejanya. Mataku memerhatikan orang tersebut. Tidak tua, tidak botak dan tidak gendut seperti yang kubayangkan. Dia memang kacak, namun tidak menarik minatkku.

Aku cuma meminati lelaki yang juga seperti aku, yang beridentitikan seorang rocker. Bukan seperti orang yang di hadapanku ini, dari hujung rambut hinggalah ke hujung kasutnya, dia begitu kemas dan rapi.

Aku teringat kata-kata sahabat karibku, yang ketetapan menyukai seseorang yang kemas, seseorang yang lawa dan kekelakian. Aku tersenyum mengingat kata-kata sahabatku itu.

Apalagi bila teringat angan-angannya untuk mencari lelaki yang jenis romantik. Biar jadi macam dalam cerita-cerita filem Hindi! Rupanya senyumu itu tidak disenangi Yusri.

"Sudah puas?" Bulu keningnya terangkat ke atas.

"Apanya?" Aku tidak faham.

"Terima kasih kerana sudi datang ke sini Malhafiza."

Aku cuma mengangguk sambil menegah diriku untuk menjawab yang aku terpaksa datang ke sana tanpa keikhlasan hatiku sendiri.

"Ini buku akaun Malhafiza." Dia berkata sambil memberikan aku buku itu.

BENCI SAMPAI BILA

OLEH
IKA H.A.T.

چرفین
چرفین
چرفین
چرفین
چرفین

C
E
R
P
E
N

hari. Kegelitaannya memanasi aku, namun hanya tidak pernah menghiburkanku.

Malam ini, langit tidak ber bintang, tidak ber bulan. Begitu sesatnya musafir yang tidak berpelita, mencari-cari arah jalan yang lurus, tetapi tidak berjumpa.

Aku sering berbayangkan musafir itu. Mungkinkah aku cuma berfantasi atau memang benar musafir itu wujud. Hadir di dalam sebuah gurun. Dia mengembara bersama pasir kering yang usang.

"Kring!" Jeritan telefon menyentak lamunanku yang terbang jauh. Kubiarkan saja mesin penjawab meminta pesanan. Aku memang malas untuk melayani pemanggil.

"Saudari Malhafiza, saya Yusri, saya harap saudara boleh menghubungi saya secepat mungkin, ianya berkenaan dengan buku pas akaun saudara yang tercicir..." Belum pun sempat suara yang tidak kukenali itu meneruskan cakapnya, aku terus mengangkat gagang telefon.

"Awang, terima kasih kerana bersusah payah menghubungi saya. Terlanjur Awang memaklumi saya, jadi saya sarankan agar Awang mengirikkannya saja melalui pos."

"Saudari, saya tidak ada

masa untuk berbuat demikian. Saya harap saudara datang ke pejabat saya esok, sila tulis alamatnya..."

Aku cuba membantah, tetapi tetap jua menyalin alamat pejabatnya. Sayangnya kau tidak berpeluang untuk menyuarakan bantahanku itu kerana talian telefon terus terputus setelah aku selesai menyalin alamat pejabatnya.

Aku rasa kesal di dalam hatiku di atas kejadian tersebut. Hanya begitu mengecewakanku. Apa yang termampu kubuat ialah mengigit bibir bawahku untuk melepaskan rasa geram.

Sepanjang malam, aku cuba membayangkan dan merumuskan rupa dan peribadi orang yang menyakiti hatiku tadi. Ada juga sedikit rasa bersalah kerana marah kepada orang yang telah menjumpai buku pas akaunku yang tercicir tiga hari lalu. Aku sepatutnya berterima kasih, bukan menyimpan rasa benci kepadanya.

Pada keesokan harinya, aku terganggu di hadapan sebuah bangunan. Mataku liar memerhatikan papan kenyataan yang menunjukkan nama dan tingkat di mana beberapa pejabat swasta berada.

Akhirnya, kujumpai juga apa yang kukari dari tadi. Hatiku tidak merasa puas, namun aku juga tidak lari dari merasa bodoh dengan apa yang kulakukan.

Di dalam perjalanan menuju tempat yang dihayati, ada juga beberapa persoalan timbul di dalam hatiku. Mungkin orang yang ingin kutemui ini mempunyai motif tersendiri. Mungkin ada di sebalik kejujurannya, manalah tahu.

hidup, bahkan mempunyai keinginan agar rezeki datang melimpah-ruah kepadanya.

Aku memang beruntung kerana hidup di dalam keadaan yang mewah. Aku mampu menikmati hampir apa saja kalau aku mahu, tetapi aku juga tidak kurang malangnya, semalam tanah luas yang gersang, kehausan setitis embun.

Masa terus berlalu, meninggalkan aku keseorangan untuk merenungi dan mengenangi perjalanan hidup ini. Malam meniti merangkul

SEPANJANG malam, aku cuba membayangkan dan merumuskan rupa dan peribadi orang yang menyakiti hatiku tadi. Ada juga sedikit rasa bersalah kerana marah kepada orang yang telah menjumpai buku pas akaunku yang tercicir tiga hari lalu. Aku sepatutnya berterima kasih, bukan menyimpan rasa benci kepadanya.

DARI MUKA 4

"Kenapa sampai tercicir?"
Tanyanya lagi.

"Entah," aku cuma menjawab pendek sambil mengangkat kedua-dua bahu.

"Saya tak sangka Malhafiza ni muda lagi, saya fikir sudah berumur," gurau Yusri sambil tersenyum.

Aku membalas senyumannya, tetapi senyumku mulai pudar bila menyadari dia masih tetap merengku. Kubiarkan saja ia melihat cara berpakaianku, itu sudah biasa bagiku, di mana-manapun, aku sering menjadi perhatian.

Aku tidak kisah sama sekali kalau ada yang ingin mencari keadaanku. Itu memang hak individu. Setelah beberapa lama, aku mula bersuara untuk memecahkan keheningan dengan mengucapkan terima kasih kepada Yusri.

Setelah aku keluar dari bangunan tersebut, baru aku merasa lega dan selesa. Aku juga baru menyadari kegugupanku. Wajah lelaki yang dewasa dan matang itu mulai bermain di mataku. Entah apa yang menarikku pada seraut wajah yang tampan itu.

Tiba-tiba saja, terlintas di hatiku untuk mengenalinya. Bukan sekadar ingin tahu tentang dirinya malah untuk mengenalinya dengan lebih jauh.

"Tidak terlintaskah di hati Fiza untuk berpakaian lebih sopan," Yusri bertanya kepadaku suatu waktu.

Aku cuma menggelengkan kepala. Cukup untuk menjawab pertanyaan manusia yang kuanggap sebagai kawan biasa. Sejak pertemuan dulu, aku sering terserempak dengan Yusri. Selalu juga kami tegur menejur di antara satu dengan yang lain.

Bila aku mula berpindah ke tempat ini, aku sama sekali tidak menyangka Yusri tinggal di sini, kerana tempat ini terlalu jauh dari ibu kota.

Aku ke sini pun kerana ingin mencari kedamaian dan ketenangan. Mungkin kehidupan bandar tidak sesuai denganku. Ketika berada di sini, aku mula berminat untuk mencipta beberapa sajak. Aku cuma sekadar ingin mencuba bakatku.

"Kenapa Fiza?" Suara Yusri mengganggu ketenteramanku, akibatnya lukisan jadi tak siap. Mahu saja aku mewarnakan bibir Yusri dengan 'water colour' ku, tetapi kupendamkan saja niat jahatku itu.

"Tolong jangan ganggu saya lagi o.k.!" Aku menjawab kasar, mengekalkan diriku.

Aku mula melangkah pergi dan meninggalkan Yusri. Baru beberapa tapak kakiku melangkah, aku menoleh kembali pada Yusri. Bersalah juga rasanya mengecewakannya. Dia tidak bersalah, sesekali dia bertanya memang tidak salah. Yusri juga seorang manusia biasa yang memang tidak lari dari ingin mengetahui sesuatu. Itu memang tabiat manusia.

"Yus, Fiza lebih suka begini. Fiza remaja masa kini, bukan remaja yang pernah hadir di zaman lalu."

"Fiza, aku lebih suka kalau kau berpakaian yang sopan," Yusri memberikan pendapatnya sambil meninggalkan aku sendirian.

Aku masih berdiri kaku. Sedikit sebanyak kata-kata Yusri membuat aku memikirkan kembali perkara tersebut. Baru sekarang aku mula berfikir bagaimana rupaku kalau berpakaian begitu, mungkin aku akan nampak matang dan percaya pada diri sendiri? Entahlah.

Kemudiannya timbul bermacam-macam pertanyaan yang tidak mampu untuk kujawab. Akhirnya aku ber-

nekad untuk merubah cara hidupku. Aku perlu mengubahnya!

Pada mulanya memang kekok rasanya memakai baju kurung dan memakai tudung. Ianya masih tidak selesa pada badanku. Namun aku tetap mencubanya. Setiap kali Yusri bersua denganku, dia cuma memberikan aku sekuntum senyum. Senyumannya itu membuat aku lebih merasa tidak selesa.

Walau macam manapun, Yusri akan tetap memuji, cukup untuk menguatkan azamku. Hari-hari yang kulalui, menyenangkan aku, aku hampir berjaya memperbaiki keadaanku. Tidak pula kumenyangka yang aku akan lebih merasa gembira meniti hari-hari berikutnya setelah menukar identitiku, bahkan aku sedar, inilah yang kukari selama ini, hidup sebagai seorang mukmin yang tulen, hidup di bawah lindungan dan petunjuk yang Maha Kuasa. Aku gembira seperti ini.

Orang tuaku begitu gembira dengan perubahanku. Antara kami, sudah mulai memupuk perasaan kasih sayang. Apa yang paling ketara kurasai ialah, semakin hari semakin aku mula menaruh perasaan pada Yusri, tetapi terlalu sukar rasanya untukku menyatakan perasaan tersebut kerana Yusri sudah jarang bercakap-cakap denganku kerana masing-masing sibuk dengan urusan sendiri.

Suatu pagi, setelah matahari terbit, aku membiarkan diriku duduk keseorangan, cuba hendak memuaskan perhatiannya terhadap sajak yang baru terilham di kepalaku.

Bila sudah siap, aku mula membacanya sekadar menyenangkan hatiku. Aku tidak sedar Yusri berada di situ, mendengarkan puisiku hanya bila dia bertepuk tangan.

"Itu memang sebuah puisi yang paling bagus yang pernah kudengar," Yusri bersuara.

"Terima kasih." Aku membalas sambil merenung jauh bukit-bukau yang kejauhan.

"Fiza, kau tidak sibuk ketika ini kan?" Yusri bertanya perlahan.

Aku cuma mengangguk. Entah kenapa lidahku tiba-tiba saja menjadi kelu.

"Yus telah mencipta sebuah puisi, Yus harap Fiza sudi mendengarnya," Aku cuma mengangguk.

Aku terdiam dan mendengarkan puisi Yusri. Setiap bait yang dilafazkannya membuat aku semakin kaku. Apa yang mampu kubuat ialah cuma tertunduk dan merenung tanah. Apa yang pasti, aku menyadari, hatiku semakin lama, semakin bergetar hebat. Menyukarkan aku untuk menutupi ekspresi wajahku.

"Apa pendapat Fiza?" Yusri seperti memancing aku untuk bersuara.

"Bagus," Aku menjawab pendek.

"Kau menyukainya?" Yusri ber-

terdiam tanpa memberikan apa-apa reaksi. Namun ianya sedikit sebanyak menyentuh perasaanku.

Kerana tidak sanggup membiarkan diriku lemah di mata Yusri, aku terus berdiri dan membalikkan badanku. Aku ingin lari dari Yusri. Aku memang jauh berbeza dengan Yusri.

Dia berpendirian, percayakan diri sendiri dan tahu apa yang patut dilakukannya di dalam hidupnya, tidak seperti aku. Aku terlalu lemah dan tidak terdaya seperti itu, aku tewas dengan perkara itu, aku tidak sepadan dengannya. Jadi tiada gunanya, aku menyimpan perasaan tersebut lebih lama. Aku harus melupakannya, sama ada dalam jangka yang pendek atau panjang.

"Fiza," Yusri memanggil namaku. Panggilannya itu membuat aku tersedar di mana aku ketika itu.

"Tinggalkan Fiza sendirian." Aku gagal mempertahankan air mataku dari terjatuh.

"Maafkan Yus, Yus tidak menyangka ianya menyinggung perasaan Fiza," jelas menahan sebak di dadaku. Entah kenapa aku merasa begitu sensitif.

Aku melangkah kakiku untuk meninggalkan Yusri, aku perlu beresendirian di ketika ini. Tetapi aku berhenti berjalan bila Yusri menahan aku untuk berbuat demikian. Daguku diangkatnya dengan jari telunjuknya, membuatkan aku mengalah dan merenung tepat ke mukanya.

"Fiza, maafkan aku sekali lagi," Yusri bersuara perlahan. Aku cuma menganggukkan kepala, tidak berjaya untuk mencari suaraku disebabkan sedu-sedan.

"Bersalahkah aku menegur dirimu?"

Aku mengangguk sekali lagi untuk menjawab pertanyaan Yusri.

"Hinakah aku menyintaimu Fiza?" Kata-kata itu begitu mengejutkan aku. Aku merenung wajahnya, berusaha mencari-cari kebenaran dan kepastian.

"Kukira tidak Yusri kerana aku juga menyintaimu." Entah dari mana aku mendapat kekuatan untuk menjawab soalan yang satu ini.

Aku tertawa bila Yusri cuma merengku kembali seperti menginginkan kepastian seperti apa yang tersimpan di dalam hatiku.

"Fiza, kau tidak berguraukah?" Yusri bertanya sambil merenung tepat ke mataku. Ada nada kegelisahan pada suaranya. Aku mengelengkan kepala sambil mengukir sekuntum senyum buat Yusri.

Kami saling berpandangan dan saling bertukar senyum. Mungkin

PUISI

SEKELIP MATA

Kupaksa ingatan melupa pada kenangan manis yang aku sendiri tak menduga dulu datang bagaikan tuah.

Mengapa hanya sekelip mata aku pun mengenal hampa sendiri mencari silap bertalu kesal menyapa tasik hati mengundang parah.

ENNY ENG.S.
TUTONG.

MONOLOG TRAGEDI SEPI

Waktu, kau kembara lagi bersama angin bersandungan lagu duka nestapa sekeping hati yang luka dalam simpati lalu, curahan rasa yang bertakung di piala hati....

Kau bahagia dalam satu pilihan aku tak tau tika itu kau milik siapa dan aku pun terus memuja jatuh, tersungkur di tasik hatimu itu Tapi, kini resahmu, resahku berbau keretakan...kehancuran... lewat malam, kurenungi potret wajahmu suatu kehancuran terpupuk di kamar sepiku bersama kemegahan yang duka bukan bahagia dan memisahkan ros layu yang gugur itu tidak akan kembali lagi

Kuhadapi detik kenyataan ini kejujuran kini tidak bererti lagi. Apakah kepalsuan jadi sanjungan? Janji jadi gurauan? Namun di hati ini masih tersenyum duka dalam sepi.

DAYMA PB,
TAMAN ALAM, BRUNEI.

TUAN-TUAN
PUAN-PUAN

Kita tahu tuan-tuan puan-puan pun tahu musuh yang tidak terlihat oleh kita.... tapi ada di mana-mana, syaitan, iblis dan hawa nafsu.

Cuma iman dan tawaduk senjata mukmin sejati membanterasi segalanya lapanglah dada siapa memilikinya?

MALAM

Malam dalam mimpiku terbayang wajah terlukis sinar mata penuh keimanan.

Malam seribu janji dipadu tanda keagungan.

Malam membisikkan kasih sayang mahkota berdiri.

Malam waktu melukiskan segalanya keindahan rindu berpaut.

Dan malam ini satu perjanjian wujud untuk hidup dan kehidupan harmoni terjalin kukuh.

IRMA.

ORANG tuaku begitu gembira dengan perubahanku. Antara kami, sudah mulai memupuk perasaan kasih sayang pada Yusri, tetapi terlalu sukar rasanya untukku menyatakan perasaan tersebut kerana Yusri sudah jarang bercakap-cakap denganku kerana masing-masing sibuk dengan urusan sendiri.

tanya seolah-olah inginkan kepastian.

"Boleh jadi," aku membalas perlahan sambil mengangkat kedua-dua bahu.

"Fiza, itu jawapan orang yang tidak berpendirian."

Kata-kata Yusri membuat aku membalas renungan matanya. Aku

kata-kata tidak cukup untuk membuktikan dan membicarakan perasaan masing-masing. Entah macam mana tanganku memegang erat tangan Yusri, tiba-tiba saja, aku kemudiannya berada di pelukan Yusri. Cuma yang kusedari ialah, aku merasa bahagia dan apa yang kukari selama ini, sudah kuperolehi.



سنتاس برسام بيسكيت
 Sentiasa Bersama Biskita

انقو بيسكيت
 UNTUK BISKITA

Apa Pendapat Biskita SATU LANGKAH BIJAKSANA ADALAH PERLU BAGI MENJIMATKAN PENGGUNAAN AIR

AIR adalah sumber kehidupan bagi semua benda yang bernyawa. Tanpa air semua kita manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan yang hidup di atas bumi ini akan mati akibat kekurangan dan ketiadaan air. Lantaran dari itu dapatlah kita simpulkan di sini, bahawa kepentingan air melebihi dari segala-galanya kerana air diperlukan untuk hidup.

Menyadari akan betapa pentingnya air dalam kehidupan seharian kita, merancang satu langkah yang bijaksana lagi dinamik adalah perlu dalam sama-sama menjimatkan penggunaan air. Di antara inisiatif-inisiatif yang perlu diutamakan ialah: tindakan dari pihak tertentu itu sendiri iaitu dengan memastikan orang ramai tidak menggunakan air secara berlebihan, sama ada bagi pengguna-pengguna yang memerlukan untuk kepentingan pihak individu sendiri atau bagi pengguna-pengguna yang memerlukan untuk kepentingan negara seperti dalam pembinaan bangunan-bangunan.

Selain dari langkah-langkah tersebut, dengan mengadakan beberapa ceramah, iklan, pameran dan kempen-kempen menjimatkan air juga sudah pasti akan mendatangkan satu kesan yang positif kepada orang ramai kerana melalui rancangan seperti ini kita akan dapat menerangkan kepada orang ramai cara-cara menggunakan dan menjimatkan penggunaan air seharian dengan betul.

Sekarang apa yang perlu lagi, adalah kesedaran daripada para pengguna sendiri untuk

bekerjasama dan bersatu hati dalam sama-sama mengelakkan berlakunya penggunaan air secara berlebihan demi untuk kepentingan bersama dalam membangun sebuah negara kerana jika dipandang dari segi ekonomi, jika tabiat menjimatkan penggunaan air ini tidak diamalkan dari sekarang, sudah tentu hasrat kerajaan untuk memajukan negara akan terbantut. Oleh itu, dengan adanya semangat bekerjasama, sudah tentulah sikap individualistik akan hilang di kalangan masyarakat kita. Lalu timbul pula semangat ingin bertanggungjawab untuk menjaga dan memelihara kebersihan air dari dikotori oleh pencemaran alam sekitar. Begitu juga ia pasti akan menyedarkan orang ramai bahawa air adalah hak bersama.

Maka tidaklah dapat kita nafikan dan sangkalkan lagi, peranan orang ramai adalah penting dalam sama-sama menjimatkan penggunaan air. Tanpa air kehidupan manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan akan terancam kerana air itu amat berharga. Oleh itu elakkanlah dari menjadi seorang yang suka memabazir.

Kiriman :
 Sarimah Haji Ahmad
 659 Kg. Negalang Ering
 Km 8 Jalan Labu
 8380 Temburong.

Tajuk akan datang ialah
 CARA YANG BAIK LAGI
 BERKESAN UNTUK MEN-
 GEMBANG LUASKAN
 PENGGUNAAN TULISAN
 JAWI.

Tarikh tutup penyertaan 12
 Mei, 1992.

سكيتار. تي. بي

SEKITAR RTB

KHABAR DARI TANAH SUCI

TIKADAK terasa kepada kita, dalam kita mengharungi kehidupan seharian ini, kita sudah pun berada di bulan kesibukan orang-orang kitani meninggalkan negara kita untuk menuju ke Tanah Suci Mekah bagi menunaikan fardu haji di sana. Dalam keadaan kesibukan seperti ini, perkhidmatan bahagian Melayu seperti tahun-tahun yang sudah akan menghantar perkhidmatan kaum keluarga, sahabat handai kitani yang berada di Tanah Suci Mekah melalui laporan dari tanah suci. Untuk memenuhi matlamat ini pada masa ini seorang pegawai radio yang ditugaskan tahun ini sudah pun berada di sana. Sementara seorang lagi akan berada di sana dalam sedikit waktu lagi. Kedua-dua mereka akan bertugas untuk membuat laporan tentang perkhidmatan jemaah-jemaah haji kita yang menunaikan fardu haji tahun ini. Di samping itu mereka juga akan membuat laporan, semasa keseluruhan jemaah mengerjakan wukuf di bumi Arafah, selain laporan Jeddah, Madinah dan Mekah.

Terdahulu sebelum itu beberapa buah rancangan telah pun diterbitkan oleh bahagian Melayu radio melalui Seksyen Agama Radio yang mana pada keseluruhannya dimuatkan dengan panduan-panduan, hukum-hukum dan juga kaedah atau manasik haji bagi ke-

mudahan jemaah-jemaah haji negara kita menunaikan fardu haji dengan lebih sempurna dan menurut kehendak syarak.

Beberapa siri rancangan baru yang memuatkan tentang pengu-muman dan juga nasihat serta panduan semasa juga diterbitkan dalam bentuk memberikan penerangan terakhir seperti dalam bidang penerbangan, kesihatan, perumahan dan juga lain hal yang bersangkutan dengan perkara-perkara yang dilakukan semasa menunaikan fardu haji nanti. Hatta bermula dari sebelum meninggalkan negara kita hinggalah sampai ke Tanah Suci Mekah nanti. Semua ini dihasratkan agar dapat membantu jemaah-jemaah haji semua dalam mengikuti perjalanan mereka dengan panduan-panduan dan nasihat yang cukup untuk dijadikan bekal dalam mencapai haji yang mabrur. Mudah-mudahan dengan kehadiran rancangan yang dinamakan 'MENUJU KE TANAH SUCI' ini sekurang-kurangnya akan dapat dijadikan panduan oleh jemaah-jemaah haji kita, dan dapat mengurangkan kesulitan dan ketidakfahaman mereka apatah lagi dalam keadaan seperti ini banyak dari mereka baru mengalami perjalanan yang jauh, terutama sekali menaiki pesawat kapal terbang.

Bagi mengetahui tentang perkhidmatan jemaah-jemaah haji

semasa berada di sana nanti, kita akan dapat mengikuti siaran setiap petang dalam ruangan rampai petang 'Laporan Dari Tanah Suci'. Di peringkat awalnya kita akan dapat mendengar laporan keadaan di Jeddah dan Madinah — diikuti kemudiannya setelah beberapa hari jemaah haji di Tanah Suci Mekah — laporan akan kita ikuti dari sana pula.

Satu hal yang menarik sepanjang laporan itu disiarkan iaitu setiap hari jam 5.00 petang, sementara Jumaat dan Ahad sebelah pagi jam 9.00, ialah suasana wukuf nanti. Kita bukan saja akan dapat mengikuti melalui laporan awal sebelumnya, tetapi juga pada hari tersebut, kita akan berusaha menyiarkan laporan dari sana.

Semogalah dengan adanya usaha pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, menghantar pegawai-pegawai RTB ini, kejauhan sanak-saudara kita yang pergi menunaikan fardu haji tidak begitu terasa, malahan akan menimbulkan rangsangan dan dorongan untuk kita yang berada di sana menunaikan fardu haji. Doa dari kita semua semoga mereka mendapat haji yang mabrur. Amin....

PULUTKU KACANG KUKUS

Bahan-bahannya:

- 2 cawan tepung pulut
- $\frac{3}{4}$ cawan santan
- $\frac{1}{2}$ sudu teh garam
- 4 helai daun pandan
- Sedikit warna merah
- Daun pisang

Intinya :

- 1 cawan kacang hijau yang telah dibuang kulit
- $\frac{1}{2}$ cawan gula
- Daun pandan

Cara membuatnya :

- 1. Masak santan bersama daun pandan dan garam.



2. Sejukkan dahulu baru masukkan pewarna merah.

3. Uli tepung pulut bersama santan tadi hingga sebat.

4. Kacang direbus bersama

daun pandan hingga kembang.

5. Masukkan gula, kacang hingga rata dan masak lagi hingga pekat.

6. Potong daun pisang kira-kira 5 x 5 sm.

7. Ambil sedikit adonan pulut dibulat-bulatkan dahulu baru dileperkan dan isi inti kacang (yang telah disejukkan) di tengahnya lalu dibentukkan seperti bunga.

8. Alas daun pisang lalu dikukus hingga masak.


NYA NINI ...

DAUN SIRIH PENGUBAT BISUL

APABILA seseorang menderita sakit bisul yang sedang membengkak boleh mengakibatkan demam, bila perkara ini terjadi pada diri anda, segeralah bertindak dengan menceri tangkai daun sirih yang sudah ditumbuk.

Celupkan tangkai daun sirih itu ke dalam minyak kelapa, kemudian bakar tangkai daun sirih dan terus ditampalkan pada bisul yang sedang membengkak, sebahagian dari tangkai daun sirih itu oleskan pada bahagian bisul yang sedang merah (bahagian kepalanya) sebelum itu disapukan sedikit dengan kapur sirih.

Ulangilah perbuatan itu selama tiga malam berturut-turut.





سنتياس برسام بيسكيتا
Sentiasa Bersama Biskita

مناريق ميشكو اين

MENARIK MINGGU INI

HARI JUMAAT

RANCANGAN mingguan Rampai Pagi akan menemui awda dengan bahan-bahan yang menarik antaranya :

- Menjaga kesihatan semasa menunaikan fardu Haji.
- Laporan dari Jeddah.
- Kuiz telefon masih bersama awda.
- Majalah tempatan yang pertama di Negara Brunei Darussalam.

Jangan lupa untuk bersama Rampai Pagi pada 8 Mei, 1992 hari Jumaat jam 8.30 pagi.

HARI AHAD

- Bagaimana latar belakang penubuhan Seameo Voctech ini?
 - Bagaimanakah pencapaian pesilat-pesilat kita dalam pertandingan baru-baru ini?
 - Apakah yang dikatakan dengan "Kayak"?
 - Kuiz telefon masih bersama awda.
- Untuk mengetahui selanjutnya, jangan lupa mengikuti Rampai Pagi pada 10 Mei, 1992 hari Ahad jam 8.30 pagi.

LIPUTAN SEMASA

Rabu 6 Mei

KONVOKESYEN Ke-6 Pusat Latihan Pertanian Sinaut.

Jumaat 8 Mei

PESTA Hari Raya Bagi Meraikan Anak-Anak Cacat.

Isnin 11 Mei

LAWATAN Yang Berhormat, Penasihat Khas KDYMM merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ke Daerah Tutong.

Rabu 13 Mei

PESTA Budaya Puak Dusun.



TAYANGAN gambar inggeris Sins Of Mother — ditayangkan hari Khamis 7 Mei jam 9.30 malam.



TAYANGAN gambar inggeris, Dangerous Davis — The Last Detective ditayangkan pada jam 10.20 malam hari Isnin, 11 Mei.

RABU, 6 MEI

HERMAN'S HEAD

(9.30 malam)

SIRI komedi mengenai Herman seorang pekerja sebuah syarikat. Dia seperti kita juga. Setiap hari dia membuat berbagai-bagai keputusan, seperti apa yang hendak dipakai, dengan siapa hendak berjumpa. Semua perkara seperti itu adalah mudah, tapi jika diamat-amati dalam kepala Herman, kita akan melihat kenapa kadang-kadang ada orang yang mengganggu fikirannya.



AWANG Haji Takong (berdiri di kiri sekali) pulang dengan plaa kemenangan ketika mewakili negara dan seterusnya menjadi juara Piala Borneo dalam tahun 1970 di Sabah.

TETAMU SUKAN RADIO

TETAMU Sukan Minggu Ini dimuatkan dengan temuramah bersama Awang Haji Takong bin Salleh salah seorang jaguh sepak takraw Negara Brunei Darussalam yang sering kali mewakili negara dalam tahun 60-an hingga 80-an.

Beliau akan menceritakan mengenai perkembangan sukan sepak takraw di zamannya.

Siarannya hari Ahad 10 Mei, 1992 jam 11.45 pagi dan ulangan hari Selasa 12 Mei, 1992 jam 1.45 petang.

JUMAAT, 8 MEI

CHANGING CITY

6.00 petang

APAKAH perkembangan di kota-kota besar tidak dapat dikawal lagi? Ahli-ahli pakar menganggarkan bahawa dalam tahun 2000 akan dapat dilihat 20 pusat bandar besar akan bekerja keras untuk menempatkan 15 juta penduduk di tempat masing-masing. Siri ini akan memperlihatkan bagaimana beberapa bahagian di dunia ini cuba untuk mengatasi masalah perumahan.



SIRI menarik Changing City akan dapat disaksikan tayangannya pada hari Jumaat 8 Mei jam 6.00 petang.

تيراي كلوارڈ Tirai Keluarga

AHAD, 10 MEI (8.00 MALAM)

KOLONG

DENGAN kehadiran Halim beserta keluarganya di sebuah pekan kecil, satu kegiatan dan perbuatan kejam yang telah dilakukan oleh Mbok Itam telah terbongkar. Di satu ketika Mbok Itam seorang bidan yang dihormati, tapi bila terjadi satu tragedi kewibawaannya tergugat. Apakah kegiatan dan perbuatan kejam yang dilakukan oleh Mbok Itam? Untuk jawapannya saksikanlah tayangannya pada hari Ahad.

مستيد سيلم Mustika Silam

SABTU, 9 MEI (7.20 MALAM)

SUMPAH ORANG MINYAK

DENGAN barisan pelakon P. Ramlee, Daeng Idris, Ali Rahman, Salleh Kamil, Malik Sutan Muda, Haji Mahadi, Mustika Silam minggu ini membawakan kisah yang terjadi di Kampong Tualang. Tiga di mana seorang pemuda yang cacat dan hodoh yang dipanggil Sibongkok bertukar wajah menjadi seorang pemuda yang kacak bila dia dibawa ke alam bunian. Perubahan wajahnya itu mempunyai syarat. Jika dia melanggar syarat tersebut dia akan kembali hodoh. Apakah syarat yang harus dipatuhi Sibongkok itu? Dapatkah dia mematuhi? Untuk mengetahui saksikanlah tayangannya nanti.



ستياس برسام بيسيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليسيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PHAK RTB Berhad
Pusat Rancangan
Kuala Lumpur

سرطان سوعي Seruan Suci

(9 Mei)

Tajuk : Sunat-sunat Bercukur.

(10 Mei)

Tajuk : Doa Ketika Sampai Di Mina.

(11 Mei)

Tajuk : Sunat-sunat Melontar Jamratul Aqabah.

(12 Mei)

Tajuk : Sunat-sunat Tawaf — 1.

(13 Mei)

Tajuk : Sunat-sunat Tawaf — 2.

عمالن سنة Amalan-Amalan Sunat

(6 Mei)

Tajuk : Cara Berzikir dan Beberapa Contoh Zikir Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

(7 Mei)

Tajuk : Seruan Untuk Menghayati zikir-zikir Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

(8 Mei)

Tajuk : Keutamaan Tasbeih, Tahmid, Takbir dan Tahlil.

(9 Mei)

Tajuk : Kelebihan Zikir dan Doa Rasulullah Sallallahu Alaihi.

(10 Mei)

Tajuk : Bahagia dan Sengsara (bgh. 1).

(11 Mei)

Tajuk : Bahagia dan Sengsara (bgh. 2).

(12 Mei)

Tajuk : Bahagia dan Sengsara (bgh. 3).

(13 Mei)

Tajuk : Bahagia dan Sengsara (bgh. 4).

(14 Mei)

Tajuk : Bahagia dan Sengsara (bgh. 5). Penceramah Awang Lukman Harun bin Harun Al-Rashid.

SIRI PILIHAN WILDLIFE ON ONE

(7 Mei, jam 6.00 petang)

SIRI yang menarik dan mempunyai keunikan dalam penyampaian minggu ini akan membawa penonton ke gua batu kapur di Borneo yang didiami oleh sebahagian burung-burung yang luar biasa. Mereka boleh terbang dalam gelap. Burung tersebut ialah burung layang-layang. Sarang burung-burung ini amat berharga di mana ianya dijadikan sup sarang burung.

THE ARABS — A LIVING HISTORY

(8 Mei, jam 11.00 pagi)

EPISOD pertama siri ini memperkenalkan kepada kita berbagai jenis kehidupan, pendapat dan sejarah yang mana wujud di kawasan itu yang dikenal sebagai Dunia Arab. Buminya terbentang dari pergunungan Morocco hingga padang pasir Semenanjung Arab, dari lembah Nile hingga pantai Timur Laut Mediterranean.

RABU 6 MEI

PETANG

- 4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 4.02 AL-QURAN
- 4.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.15 TALESPIIN 'My Fair Baloo'
- 4.40 THE WINJIM POM
- 5.05 WISHKID
- 5.30 GROWING PAINS
- 'If There's A Will'
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 GROWING PAINS — Sambungan
- 6.00 WIDGET 'Mediterranean Adventure'
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.32 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.45 SERUAN SUCI

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 DILUPA JANGAN 'Namun Kupunya Hati'
- 7.39 AZAN ISYAK
- 7.44 DILUPA JANGAN — Sambungan
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.05 SUDUT PELITA
- 9.10 LIPUTAN SEMASA
- HERMAN'S HEAD
- 9.30 ROAD TO WEMBLEY — 'Liverpool Vs Portsmouth'
- 10.00 MEMORIES OF MIDNIGHT — Bahagian 4
- 11.40 DOA
- 11.50 SIARAN TAMAT

KHAMIS 7 MEI

PETANG

- 4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 4.02 AL-QURAN
- 4.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.15 SESAME STREET
- 5.10 DISNEY'S ADVENTURES OF THE GUMMI BEARS 'Tummi Trouble'
- 5.35 TORKELSONS 'Thanksgiving Something'
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 TORKELSONS — Sambungan
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.32 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.42 SERUAN SUCI 'Seruan Untuk Menghayati Zikir-zikir Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 HIDAYAT
- 7.39 AZAN ISYAK
- 7.44 HIDAYAT — Sambungan
- 8.00 SURAH YAA SIIN
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.00 DUNIA MINGGU INI
- 9.30 WAYANG PILIHAN 'Sins Of The Mother'
- 11.00 UEFA CUP WINNERS CUP FINAL 'Werder Bremen Vs Monaco'
- 12.30 DOA
- 12.40 SIARAN TAMAT

JUMAAT 8 MEI

PAGI

- 8.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 8.02 AL-QURAN
- 8.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 8.15 STORY WORLD
- 8.30 RAMPAI PAGI (Siaran Langsung)
- 9.30 THE NEW ADVENTURES OF THE BLACK BEAUTY
- CERAMAH JUMAAT
- 9.55 SEKITAR HAL EHWAL AGAMA
- 10.25 THE ARABS — Siri Baru 'The Making Of The Arabs'
- 11.00 WARTA BERITA
- 11.30 NEON RIDER 'Backwater'
- 11.40 SEMBAHYANG FARDU
- 12.30 JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BSB (Siaran Langsung)

PETANG

- 1.30 BIMBINGAN ISLAM
- 1.45 SUSUNAN RANCANGAN
- 1.50 SUKAN DUNIA
- 2.50 NADASARI — Ulangan
- 3.25 CAMP CANDY
- 3.38 AZAN ASAR
- 3.43 CAMP CANDY — Sambungan
- 3.50 DARKWING DUCK
1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong kelas A yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.
2. Tawaran-tawaran ini ialah bagi pemasangan/pembinaan/Proposed Primary Cable H From Tutong Exchange To Cab 008, 012, 013 & 015.
3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Kementerian Perhubungan, Tingkat 2, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam 1150 sehingga jam 2.00 petang pada hari Rabu, 20 Mei, 1992.

Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda :

JTB/MRA 0064

TAWARAN UNTUK "PROPOSED PRIMARY CABLE H FROM TUTONG EXCHANGE TO CAB 008, 012, 013 & 015"

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari Ofis Pengarah Telekom, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam, dengan cagar tawaran sebanyak \$1,500.00 yang akan dikembalikan dan \$100.00 tidak akan dikembalikan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang temurah atau sebarang tawaran.
7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang mesti dipenuhi bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 9.30 pagi, hari Isnin 11 Mei, 1992 bertempat di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan Pembahagian Jabatan Telekom, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
8. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama di tempat pemasangan/pembinaan.
9. Pembayaran wang cagar hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau Cek Tempatan beserta dengan Bank Guarantee ataupun Pengesahan Bank.
10. Pemborong-pemborong hendaklah menyertakan salinan pendaftaran perniagaan bersama-sama dengan tawarannya.

PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN PEMBORONG-PEMBORONG BAGI KERJA- KERJA SIVIL/KERJA-KERJA KABEL/PEMBEKAL

KEPADA semua pemborong-pemborong yang ingin membuat pendaftaran atau membarui lesen pendaftaran bagi Kerja-Kerja Sivil dan/atau Kerja-Kerja Kabel dan/atau Pembekal di jabatan ini supaya mendapatkan Borang Permohonan tersebut daripada :-

Bahagian Unit Pendaftaran Pemborong-Pemborong, Perkhidmatan-Perkhidmatan Pembahagian, Jabatan Telekom, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan 2051, Negara Brunei Darussalam.

Permohonan-permohonan yang membarui lesen pendaftaran mestilah dihantar tidak lewat daripada 18 Mei, 1992.



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM MENTERI

Bilangan Tawaran : 3/DBM/KEND/1992

MEMBEKALKAN SATU UNIT ROLL-ON ROLL-OFF RUBBISH TRUCK WITH MULTI HOOK HOIST BODY (DETACHABLE CONTAINER TRUCK) KEPADA JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa untuk membekalkan satu unit Rubbish Truck (Detachable Container Truck) tersebut di atas kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat:-
Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran hendaklah diterima tidak lewat 18 Mei, 1992 jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin.
4. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
5. Penawar mestilah membekalkan truck dan detachable container itu mengikut Spesifikasi Tawaran yang mana penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi daripada Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan pada waktu hari bekerja dari jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi.
6. Menyatakan Jumlah Harga Tawaran termasuk lain-lain peralatan dan Parts Book yang dikehendaki dan dipersyaratkan.
7. Penerangan Ringkas Detachable Container Truck, Detachable Container Body Work And Capacity Hydraulic Lifting Mechanism dan lain-lain perkakas dan peralatan yang akan dibekalkan.
8. Penghantaran (Delivery Period) jangka masa yang boleh dibekalkan. Kenderaan itu hendaklah dihantar ke Bengkel Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, atau ke tempat yang berseesuaian yang dipersetujui untuk diperiksa dan diuji oleh pihak Senior Executive Engineer (Mechanical) Jabatan Kerja Raya sebelum didaftarkan.
9. Salinan-salinan Lesen Berniaga, Business Certificate of Registration hendaklah disertakan bersama-sama tawaran.
10. Penawar hendaklah membawa salinan-salinan Lesen Berniaga dan Business Certificate of Registration dan menjelaskan wang cagar sebanyak \$200.00 (Dua Ratus Ringgit) di Jabatan Daerah Brunei dan Muara sebelum penerangan dan borang spesifikasi tawaran dikeluarkan. Wang cagar akan dikembalikan kepada pemohon yang tidak berjaya.
11. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Tawaran yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang tersebut di atas.
12. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

KURSUS SIJIL MEKANIK JENTERA BERAT PUSAT LATIHAN MEKANIK BAGI SESI 1992 - 1994

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengikuti Kursus Sijil Mekanik Jentera Berat di Pusat Latihan Mekanik Bagi Sesi 1992 - 1994 adalah di pelawa untuk memohon. Penduduk-penduduk tetap bolehlah juga memohon.

1. CARA KURSUS :
Sijil Mekanik Jentera Berat dijalankan selama 2½ tahun sepenuh masa.
2. SYARAT DAN KELAYAKAN :
i. Sekurang-kurangnya lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ii. Lulus ujian kelayakan Pusat Latihan Mekanik.
3. PEMOHONAN :
i. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang khas yang boleh diperolehi dari Pusat Latihan Mekanik, Kampong Tungku Gadong.
ii. Semua borang hendaklah dikembalikan kepada Pengetua Pusat Latihan Mekanik, Kampong Tungku Gadong atau P.O. Box 0242, Bandar Seri Begawan 3102, tidak lewat pada 30 Mei 1992.

JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/TI/1992

Tajuk Kerja :

SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF ELECTRICAL WORKS AND AIR-CONDITIONING TO PROPOSED STORE AND GROW-OUT PONDS AT SERASA, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cagar : \$200.00

Tarikh Tutup : 18 Mei, 1992 hari Isnin jam 12.00 tengah hari.

Tempat Tutup : Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan Pemborong : Pemborong elektrik atau hawa dingin kelas 'A' sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Bangunan Suruhannya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan tawaran : (49)JPM/BS/4/92

TAWARAN-TAWARAN akan diterima oleh Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan 1100, tidak lewat pada hari Isnin 18 Mei 1992, jam 12.00 tengah hari bagi membekalkan Pakaian Seragam Pemandu.

2. Tawaran ini adalah bagi tahun 1992 dan borang tawaran dan keterangan lanjut mengenai dengan butir-butir (specifications) bagi perkara-perkara tersebut di atas bolehlah diperolehi di Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu bekerja.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan "TAWARAN MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM PEMANDU-PEMANDU JABATAN PERDANA MENTERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" (tanpa menunjukkan identiti pembekal dan tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan).
4. Setiap tawaran hendaklah ada menyatakan dan menyertakan :
i) Harga tawaran
ii) Tempoh pembekalan (menyediakan Pesanan)
iii) Kualiti (Jenis dan Bahan)
iv) Bilangan tawaran : (49) JPM/BS/4/92
v) Sijil Pendaftaran Perniagaan yang diakui sah mestilah disertakan.
5. Segala bayaran berikutan dari pembekalan seperti cukai kastam dan sebagainya adalah ditanggung oleh pembekal itu sendiri.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidaklah semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

MEMBEKAL MENCETAK BUKU AL-MADKHAL
ILA LUUGHATIL ARABIAH BUKU II BAGI
SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA

Bilangan Tawaran : 4/1992

1. PEMBEKAL-PEMBEKAL adalah dipelawa menghantar tawaran mereka kepada Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwul Ugama, Bandar Seri Begawan 1180, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat hari Isnin 11 Mei, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Buku yang dikehendaki adalah seperti berikut:-
10,000 buah ukuran kertas A4 117 muka surat (tidak termasuk kufunya).
2. Tawaran-tawaran hendaklah dikirimkan dalam sampul surat tertutup dan ditulis dengan perkataan "MEMBEKAL MENCETAK BUKU AL-MADKHAL ILA LUUGHATIL ARABIAH BUKU II BAGI SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA" tanpa membubuh atau menyatakan identiti pembekal dan memasukkan ke dalam Peti Tawaran di Tingkat 2, bilik No. 311, Kementerian Hal Ehwul Ugama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
3. Pembekal-pembekal adalah dikehendaki menyatakan harga tiap-tiap satu buah buku dan tempoh pembekal dari tarikh mulai menerima surat atau pesanan rasmi dari Kementerian Hal Ehwul Ugama.
Pembekal-pembekal yang berjaya, adalah juga akan bertanggungjawab pada menyediakan pengangkutan/penghantaran ke Sekolah-sekolah Agama Daerah Brunei-Muara, Tutong, Belait dan Temburong.
4. Penerangan lanjut mengenai bolehlah diperolehi dari Jabatan Pengajian Islam, Bangunan Madrasah, Kementerian Hal Ehwul Ugama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu bekerja.
5. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Kecil di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada hari Rabu, 20 Mei, 1992.

JP Bil. 39/1992 : SUPPLY AND INSTALLATION OF AUTOMATIC WEATHER STATIONS.
JP Bil. 40/1992 : SUPPLY AND INSTALLATION OF SOIL GRINDER.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Pertanian (Bahagian Kewangan) Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagar tawaran sebanyak \$100.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (Bonafide tender) yang tidak berjaya.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

IKLAN-IKLAN

إعلان-إعلان

SKIM BAGI TAWARAN ISTIMEWA AWDA DAN NOMBOR PILIHAN UNTUK TELEFON DAN MOBILE PHONE

SYARAT-SYARAT

A. SKIM TAWARAN NOMBOR ISTIMEWA AWDA

- Nombor Istimewa Awda adalah nombor yang mempunyai beberapa angka yang sama atau berturut-turut bagi tiap-tiap nombor untuk perkhidmatan telefon. CMTS dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain, pengguna mahupun orang yang akan menghubunginya. Misalunya :
Telefon - 228888 771111
CMTS - 818888 atau 811111
- Nombor Istimewa Awda ini akan dipilih dari senarai nombor yang terdapat di Ibusawat-Ibusawat Telekom di jabatan ini.
- Nombor yang dipilih akan ditawarkan setiap empat minggu sekali dan tarikh penutup bagi setiap tawaran akan dinyatakan pada setiap pengeluaran tawaran.
- Senarai Nombor Istimewa Awda ini akan dipamerkan di papan kenyataan Jabatan Telekom Bahagian Perdagangan, Lapangan Terbang Lama Berakas.
- Satu borang khas akan dikeluarkan dan pelanggan yang berhasrat untuk pertaruhan itu bolehlah datang ke semua cawangan Jabatan Telekom untuk melihat sendiri Nombor Istimewa Awda yang ditawarkan di papan kenyataan.
- Borang-borang yang disikan hendaklah dikembalikan dalam sampul surat yang tertutup rapat tanpa menyatakan nama penawar. Pembayaran penyertaan sebanyak \$25.00 hendaklah dibuat terlebih dahulu ke bahagian pembayaran (Tidak akan dikembalikan). Satu kotak tawaran khas juga akan disediakan.
- Pertaruhan minima bagi setiap penyertaan adalah \$200.00 sebulan.
- Pembayaran tawaran akan dijelaskan sebaik-baiknya keputusan dikeluarkan dan hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan, nombor itu akan dikira ditawarkan semula ke tempoh yang akan datang.
- Kepada pelanggan yang berjaya akan dihubungi melalui surat dan telefon.
- Nombor yang tidak dipertaruhkan dalam tawaran itu akan ditawarkan lagi ke tawaran yang akan datang.
- Bagi pelanggan yang berjaya dan belum lagi bersedia untuk mengundanya, pelanggan ini dibenarkan menyimpan untuk nombor itu tidak lebih dari satu tahun dengan dikenakan bayaran pentadbiran sebanyak \$30.00 sebulan.
- Jika Nombor Istimewa Awda ini tidak digunakan selepas 12 bulan maka nombor ini hendaklah dikembalikan ke Jabatan Telekom Brunei. Pembayaran balik tidak akan diberikan.
- Bagi pelanggan yang berjaya untuk mendapatkan Nombor Istimewa Awda, kebenaran adalah diberikan kepada pelanggan tersebut untuk memindah nombor tersebut, kepada menerima nombor ini hendaklah terlebih dahulu membuat pembayaran ke Jabatan Telekom mengikut jumlah tawaran yang dikenakan pada awalnya.

- Bagi pelanggan yang berjaya dan oleh sebab sesuatu perkara yang tidak dapat dilakukan yang mana perkhidmatan telekom belum dapat dilaksanakan oleh Jabatan Telekom, maka pelanggan itu akan diberi kebenaran untuk menyimpan Nombor Istimewa Awda selama 12 bulan tanpa sebarang bayaran. Selepas itu Jabatan Telekom juga berhak mengambil balik nombor tersebut dengan mengembalikan jumlah tawaran dikeluarkan pada awalnya.
- Jika awda berkeinginan untuk menukar nombor telefon atau mobilephone yang ada sekarang kepada Nombor Istimewa Awda bayaran akan dikenakan sekali sebanyak \$100.00.
- Jabatan Telekom tidak akan bertanggungjawab ke atas Nombor Istimewa Awda yang menerima gangguan dari orang luar. Walaubagaimanapun Jabatan Telekom akan menyasat telefon tersebut untuk membuat tindakan yang sewajarnya.
- Nombor Istimewa Awda tidak dapat dipindah dari satu ibusawat ke ibusawat yang lain.

NOMBOR TELEFON BAGI KAWASAN DAERAH BRUNEI/MUARA

A. CENTRAL/BSB.	D. BERAKAS	G. SALAR
1. 237333 6. 236999	1. 390093	1. 791010
2. 236222 7. 237575	2. 390222	2. 791555
3. 236333 8. 237676	3. 390333	
4. 237171 9. 236777		
5. 237272 10. 237222		
B. GADONG	E. KAMPONG AYER	H. SENGKURONG
1. 445888 6. 448844	1. 200700	1. 670888
2. 445445 7. 448800	2. 200800	2. 670088
3. 448188 8. 446466		3. 670700
4. 445888 9. 448877		
5. 446969 10. 448999		
C. MADANG	F. MUARA	I. MADEWA
1. 336633	1. 770888	1. 652255
2. 333999	2. 770999	2. 652288
3. 336699		3. 652424
		4. 652929

NOMBOR-NOMBOR TELEFON BAGI KAWASAN DAERAH BELAIT

A. MUMONG
1. 331818 6. 335775
2. 334666 7. 330900
3. 334477 8. 331515
4. 334666 9. 331999
5. 334888 10. 335666

B. SERIA

1. 222111	6. 224343
2. 222999	7. 224455
3. 223131	8. 224499
4. 223838	9. 225588
5. 223868	10. 225858

C. SUNGAI TARING

1. 236363	6. 236969
2. 236688	7. 236767
3. 236699	8. 236818
4. 236333	9. 236886
5. 236364	10. 236555

NOMBOR-NOMBOR TELEFON BAGI KAWASAN DAERAH TUTONG

A. TUTONG	B. TELISAI	C. PENANJONG
1. 221144	1. 244333	1. 233111
2. 221888		2. 233233
3. 222111		3. 233188
4. 222220		
5. 334888		

NOMBOR-NOMBOR TELEFON BAGI KAWASAN DAERAH TEMBURONG

1. 221700	11. 502200	21. 504300	31. 505505
2. 221717	12. 502222	22. 504888	32. 505151
3. 221788	13. 506767	23. 504422	33. 505533
4. 221800	14. 502525	24. 504466	34. 505555
5. 221818	15. 503003	25. 504477	35. 505566
6. 221888	16. 503330	26. 504488	36. 505577
	17. 503232	27. 504646	37. 505588
	18. 503333	28. 504747	38. 505599
	19. 504040	29. 504848	39. 505999
	20. 504242	30. 504949	40. 507171

NOMBOR CMTS

1. 811110	9. 813080
2. 811268	10. 813090
3. 811686	11. 813200
4. 811828	12. 813322
5. 812080	13. 813344
6. 812090	14. 813390
7. 812244	15. 813733
8. 813070	

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Syarat-syarat Tawaran :-

- TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
(a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.
Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)
(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pembangunan,
Tingkat (1) Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi Tawaran Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, bolehlah diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Kuala Belait.
- Cagar tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
- Sebelum dokumen-dokumen tawaran menunjukkan bahawa pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL : JKR 148 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "B" sahaja untuk :
PROJEK NO : 92AB/00187
MENGAHILIS DAN MEMBERSIH LANTAI PARQUET/KAYU BAGI PEJABAT/PERUMAHAN KERAJAAN UNTUK TEMPOH 18 BULAN SESI 1992 DAERAH BRUNEI/MUARA.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Isnin 18 Mei 1992.
Tarikh Tutup : 20 Mei, 1992 Cagaran Tawaran : \$200.00

BIL : JKR 149 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "C" sahaja untuk :
PROJEK NO : 92AB/PEL023
MEMBAIKI DAN MEMBUKA RAIL YANG LAMA DI SEKOLAH RENDAH DANAU TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Isnin 18 Mei 1992.
Tarikh Tutup : 20 Mei, 1992 Cagaran Tawaran : \$100.00

BIL : JKR 150 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "B" sahaja untuk :
PROJEK NO : 92AB/KB006
MEMBINA TANDAS AWAM DI LUAR STADIUM NEGARA HAS-SANAL BOLKIAH, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Isnin 18 Mei 1992.
Tarikh Tutup : 20 Mei, 1992
Cagaran Tawaran : \$200.00 + \$100.00 (Lukisan)

BIL : JKR 151 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "C" sahaja untuk :
PROJEK NO : 92AB/JTB001
RUHANG GENERATOR UNTUK BANGUNAN TELEKOM, SALAR, JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Isnin 18 Mei 1992.
Tarikh Tutup : 20 Mei, 1992
Cagaran Tawaran : \$100.00 + \$100.00 (Lukisan)

BIL : JKR 152 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "B" sahaja untuk :
PROJEK NO : 92AR/07903
MENANAM RUMPUT TEPI JALAN DAN MEDIAN TENGAH DIPERLEBARKAN JALAN GADONG FASA II (DARI SPG TUNGKU HINGGA KE BERIBI PUSING KELILING), BANDAR SERI BEGAWAN.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Isnin 18 Mei 1992.
Tarikh Tutup : 20 Mei, 1992 Cagaran Tawaran : \$200.00

BIL : JKR 153 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pembekal-pembekal perabot yang berdaftar dengan JKR sahaja untuk :
PROJEK NO : AD5A/5101
MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG PERABOT BAGI BANGUNAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Isnin 18 Mei 1992.
Tarikh Tutup : 20 Mei, 1992 Cagaran Tawaran : \$200.00

BIL : JKR 154 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "B" & "AX" sahaja untuk :
PROJEK NO : 92AR/3-22800
MENGANTI KALBAT DEKAT JALAN MASUK KE PERUMAHAN KIRARONG, JALAN BERIBI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Isnin 18 Mei 1992.
Tarikh Tutup : 20 Mei, 1992
Cagaran Tawaran : \$200.00 + \$100.00 (Lukisan)

BIL : JKR 155 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "AX" & "A" sahaja untuk :
PROJEK NO : 92AB/14300
MEMBINA SEMULA STOR PERABOT NO. 4 UNTUK JKR, JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Khamis 21 Mei 1992.
Tarikh Tutup : 25 Mei, 1992
Cagaran Tawaran : \$500.00 + \$100.00 (Lukisan)

BIL : JKR 156 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "A" sahaja untuk :
PROJEK NO : AD630/0701
MEMBINA SATU BLOK MENGANDUNGI 8 UNIT DUA TINGKAT 1 UNIT RUMAH BARU PEGAWAI BERTARAF "C" BALAI POLIS TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Khamis 21 Mei 1992.
Tarikh Tutup : 25 Mei, 1992
Cagaran Tawaran : \$1,000.00 + \$100.00 (Lukisan)

IKLAN-IKLAN

إعلان-إعلان

DI DALAM MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 18 TAHUN 1990

EX-PARTE : CHOP CHOON SENG

VS

RE : AZHAR BIN ABD AZIZ
(berdagang di bawah nama
dan gelaran USAHA GUDA DAN)
ADIK-ADIK)Pemiutang
PenghakimanPenghutang
Penghakiman

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 15 Jun, 1991.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada 30 Mei, 1992 jam 10.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 30 Mei, 1992, jam 10.00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyol penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab keagalannya.

Berarikh 21 April, 1992.

KEBANKRAPAN NO. 19 TAHUN 1990

EX-PARTE : CHOP CHOON SENG

VS

RE : MOHAMMAD BIN MATASSAN
(berdagang di bawah nama
dan gelaran SYARIKAT MOZURA)Pemiutang
PenghakimanPenghutang
Penghakiman

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 15 Jun, 1991.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada 6 Jun, 1992 jam 10.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 6 Jun, 1992, jam 10.00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyol penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab keagalannya.

Berarikh 21 April, 1992.

CINTAI NEGARA TANPA RASUAH



HARGA BARANG

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang berikut di bawah ini bermula pada 27 April, 1992.

Jenama Barang	Harga	Nama Kedai
Bawang Besar 1 Kilogram	\$1.20	Chop Ken Ken, A4, Jalan Robert, Bandar Seri Begawan.
	\$1.60	Chop Tong Huat, 17, Jalan Enche Awang, Tutong.
	\$1.50	Syarikat M. Haji, Chinese Chamber, of Commerce Kuala Belait.
	\$1.60	Poh Shing, 6, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
	\$18.00	Thye Seng Dept Store, B1, Jalan Robert, Bandar Seri Begawan.
Udang Kering 1 Kilogram	\$17.50	Soon Lee Mini Mart, 1, Jalan Enche Awang, Tutong.
	\$16.00	Guan Heng, 30, Jalan Sungei, Kuala Belait.
	\$18.00	Foo Hap Shing, 20, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
	\$2.00	Chop Ken Ken, B 2, Jalan Robert, Bandar Seri Begawan.
Kari Ikan (Cap Rusa)	\$1.80	Soon Lee Mini Mart, 1, Jalan Enche Awang, Tutong.
	\$1.80	Teo Hiang Hng, 45, Jalan Pretty, Kuala Belait.
	\$2.00	Haji C. A. Mohammed, 15, Jalan Bunga Kuning, Seria.

Dikeluarkan oleh Bahagian Pengawal Harga, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

RASMIKAN LAUT

OLEH ZUBAIDAH HS
GAMBAR-GAMBAR OLEH
PG. BAHAR PHO, HARUN
RASHID DAN AMAT MOKSIN

'subsystem' dan setiap satu sub-sistem mempunyai keupayaan sebanyak 7,560 talian telefon. Kabel optiknya pula mengandungi dua pasang 'optic fibre' masing-masing setebal sehelai rambut. Manakala setiap 'optic fibre' mengandungi dua helai 'optic fibre' iaitu satu untuk menerima dan satu untuk menghantar dan janya boleh membawa maklumat yang setanding dengan 7,560 talian telefon. Pada keseluruhannya keupayaan kabel optik tersebut ialah bersamaan dengan 15,120 talian telefon.

Sebanyak 25 pentadbiran telekomunikasi, termasuk telekom Negara Brunei Darussalam telah melabur di dalam Sistem Kabel Dasar Laut Brunei-Singapura. Penanam-penanam modal tersebut termasuklah syarikat-syarikat telekom dari negara-negara ASEAN, Australia, Kanada, Hong Kong, Republik Persekutuan Jerman, Jepun, Korea Selatan, Sri Lanka, Taiwan, New Zealand, United Kingdom dan Amerika Syarikat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disembahkan penerangan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zekaria sebelum sesi video confrence dengan Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong, Perdana Menteri Republik Singapura secara langsung melalui Sistem Kabel Dasar Laut yang baru saja baginda lancarkan persamiannya.



DULI Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wali-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah ketika berkenan berangkat melawat Bilik Operator Telekom Antarabangsa dan menyaksikan bagaimana operator wanita ini mengendalikan panggilan-panggilan yang diterima dengan sistem komputer.



bagaimana
in panggilan
n komputer
an dengan
gawan (atas

an Cheteria
Sistem Kabel
n (kanan).

kabinet dan
ama hadir
pelancaran
gara Brunei
ura (kanan

tan ketua-
nan kera-
Pelancaran
ra Brunei

Memperkembang sektor pertanian perlu dalam konteks kemajuan negara

SINAUT, 25 April. — Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap berkata hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menghidupkan dan memperkembangkan sektor pertanian adalah satu dasar yang perlu di dalam konteks ketahanan dan kemajuan negara.

Dengan yang demikian adalah berpatutan supaya faktor-faktor penghasilan khususnya gunatena, kemahiran, ilmu pengetahuan, teknologi dan lain-lain yang perlu disalurkan kepada sektor pertanian, sebagaimana yang dihasratkan oleh negara, tegasnya.

Beliau menegaskan demikian ketika berucap selaku tetamu kehormat di Majlis Konvokesyen Pusat Latihan Sinaut Kali Ke-6 yang berlangsung di sini Sabtu lepas.

Dalam pada itu, beliau juga menyeru agar lebih banyak lagi graduan Pusat Latihan Pertanian Sinaut menyalurkan diri mereka ke peringkat-peringkat penghasilan sebagai peladang-peladang komersil dan progresif dan bukannya sebagai kakitangan kerajaan semata-mata sebagaimana kebanyakan terdapat ketika ini.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya berkata, kehidupan sebagai peladang bukanlah bersenang-lenang dan usaha seseorang peladang itu juga mempunyai risiko yang tertentu. Tetapi perlu disedari bahawa tiada kejayaan dicapai tanpa penat lelah, titik peluh dan kadangkala air mata, jelasnya.

Beliau juga menyeru generasi masa kini agar tidak lupa akan pengalaman pahit dan getir yang dialami oleh orang-orang tua kita ketika Perang Dunia Kedua dahulu apabila ditimpa malapetaka kelaparan dan keburlan kerana kekurangan makanan tempatan.

Oleh
Zubaidah HS

"Walaupun keamanan dunia sekarang membolehkan negara kita ini mengimport bahan-bahan makanan keperluan harian kita dari luar negeri ini bukan bermakna yang kita boleh berbuat demikian buat selama-lamanya tanpa gangguan," katanya mengingatkan.

Di majlis itu juga, beliau telah menyampaikan Sijil Diploma, sijil-sijil dan hadiah-hadiah kepada pelajar-pelajar Diploma Kebangsaan Pertanian Brunei dan Diploma Kebangsaan Pertanian Brunei (Kejuruteraan) bagi sesi 1987-1990.

Di Konvokesyen Kali Ke-Enam Pusat Latihan Sinaut ini seramai kira-kira tiga puluh tujuh orang penuntut telah menerima diploma, sijil dan hadiah masing-masing. Dalam pada itu kira-kira sembilan puluh orang peserta khursus jangka pendek dalam berbagai-bagai bidang pertanian, perikanan dan perhutanan juga telah menerima sijil.

Awang Mulyadi bin Haji Mohd. Ali telah mencapai kejayaan cemerlang dalam Kursus Diploma Kebangsaan Pertanian Brunei (BNDA) bagi sesi 1988-1991 dengan mendapat Anugerah Emas, sementara penerima Anugerah Perak dalam kursus yang sama ialah Awang Khairul Zaman bin Abdullah @ Jambal Elin.

Sementara Kursus Diploma Kebangsaan Pertanian Brunei (Kejuruteraan) (BNDAE) sesi 1987-1991 telah memilih Awang Mohd. Syafien bin Abdullah @ Sunday Yundol sebagai penerima Anugerah Emas dan Awang Mohd. Ali bin Haji Rashid menerima Anugerah Perak.

Terdahulu sebelum upacara konvokesyen berlangsung, majlis telah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran

oleh Dayangku Masayu binti Pengiran Haji Md. Yusof dan diikuti kemudiannya dengan ucapan alu-aluan oleh pengerasi majlis, Awang Haji Shahri bin Awang Haji Besar, Penguat Pusat Latihan Pertanian Sinaut.

Yang Mulia Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah berkesudian menanam sepon pohon pokok kelapa sebagai tanda kenang-kenangan konvokesyen tersebut.

Tetapi kehormat serta lain-lain jemputan khas kemudiannya dibawa menyaksikan Pameran Pertanian dari pusat itu dan lain-lain jabatan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.



YANG Mulia Dato Paduka Awang Haji Selamat, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan diliputi oleh Penguat Pusat Latihan Pertanian Sinaut, Awang Haji Shahri ketika menyaksikan Pameran Pertanian bersempena dengan Konvokesyen Kali Ke-6 Pusat Latihan Pertanian Sinaut. — Gambar oleh Masmaleh HMA.



SEBAHAGIAN daripada pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika menghadiri Kursus Bersopan Santun baru-baru ini. — Gambar oleh Harun Rashid.

Jadikan bersopan santun budaya kerja

BERAKAS, 22 April. — Pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang menghadiri Kursus Bersopan Santun berpendapat kursus ini

sangat 'berharga' dan berkesan untuk dijadikan panduan ke arah mengamalkan sikap bersopan santun terutama menjadikannya sebagai budaya kerja.

Mereka menambah kursus ini banyak memberikan pengetahuan betapa mustahaknya bersopan santun dijiwai oleh setiap diri pemimpin, pegawai dan kakitangan yang menyertai Perkhidmatan Awam bagi menjadikan bersopan santun sebagai budaya kerja.

Kursus selama dua hari yang bermula hari ini telah dihadiri oleh 80 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian tersebut bertempat di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Di hari pertama para peserta mendengar pengenalan 'Kursus Bersopan Santun'

oleh seorang pegawai dari Institut Perkhidmatan Awam, Pejabat Perjawatan, Awang Haji Junaidi bin Haji Omar. Kemudian diikuti mukadimah 'Ceramah Bersopan Santun' oleh pence-ramah undangan, iaitu Pengarah Institut Kemahiran dan Keusahawanan Negeri Johor, Malaysia, Awang Zubir Harun bertajuk 'Mewujudkan Budaya Bersopan Santun Sebagai Cara Untuk Meningkatkan Kualiti dan Produktiviti Kakitangan'.

Para peserta juga berpeluang mendengar ceramah bertajuk 'Bersopan Santun Dalam Islam' oleh pegawai Pusat Da'wah Islamiah, Terasul dan Adat Istiadat, dan Peranan/Tanggungjawab Pegawai dan Kakitangan Terhadap Perhubungan Awam (Sopan Santun).

Antara lain objektif kursus ini ialah mengasuh dan mempertahankan cara-cara hidup

seharisan orang-orang Brunei yang penuh bersopan; memberikan perkhidmatan dan layanan yang sempurna, berbudi bahasa dan hormat menghormati sama ada dalam perkhidmatan awam atau swasta; mewujudkan pentadbiran yang mengamalkan sikap cekap, berkesan, jujur dan penuh amanah; mempertingkatkan perhubungan pegawai-pegawai kerajaan dengan orang ramai dan meningkatkan imej Negara Brunei Darussalam.

Kursus Bersopan Santun sebelum ini pada mulanya diadakan oleh Jabatan Perdana Menteri dan dilartakan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Kursus ini yang bertemakan 'Bersopan Santun Budaya Kerja' adalah anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Institut Perkhidmatan Awam, Pejabat Perjawatan.



SEBAHAGIAN dari pelajar-pelajar Pusat Latihan Pertanian Sinaut yang telah menerima diploma dan sijil Kursus Diploma dan Sijil Kursus Diploma Kebangsaan Pertanian Brunei (BNDA) dan Kursus Diploma Kebangsaan Pertanian Brunei (Kejuruteraan), (BNDAE). — Gambar oleh Masmaleh HMA.

BISTARI sumbangkan buku-buku teks

SUNGAI Liang, 25 April. — Badan Kebajikan Istri-Istri Pegawai Kerajaan Brunei (BISTARI) telah menyumbangkan buku-buku teks kepada Sekolah Rendah Sungai Liang.

Yang Dipertua BISTARI, Datin Hajjah Edah binti Haji Mohd. Noor menyerahkan buku-buku tersebut yang berjumlah lebih 100 naskah kepada guru besar Sekolah berkenaan, Awang Md. Saini bin Haji Ladis di dewan sekolah berkenaan di sini.

Di majlis itu Datin Hajjah Edah berharap guru-guru dan murid-murid sekolah berkenaan akan dapat faedah dari buku-buku tersebut dan berharap ianya akan dapat menggalakkan minat membaca di kalangan murid-murid.

Terdahulu dari itu guru besar sekolah berkenaan telah menyampaikan ucapan alu-aluannya yang antara lain berterima kasih kepada BISTARI kerana memilih sekolah itu menerima buku-buku berkenaan buat pertama kali.

Beliau berkata dengan penyerahan buku-buku tersebut, minat murid-murid membaca akan berlipat ganda.

Majlis tersebut diserikan dengan persembahan nyanyian oleh murid-murid sekolah berkenaan dan sejurus selepas itu Datin Hajjah Edah melawat beberapa bahagian sekolah itu.

Sekolah tersebut didirikan dalam tahun 1952 dan kini mempunyai 270 murid dan 23 orang guru.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika mendengar penerangan dan meneliti bahan-bahan persuratan Jawi yang dipamerkan. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan PCE, BJCE akan wajib dijawab dalam tulisan Jawi

SALAMBIGAR, 25 April. — Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz mengumumkan bahawa tidak lewat dari tahun 1994, sebilangan jawapan dalam kertas peperiksaan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan PCE akan diwajibkan dijawab dalam tulisan Jawi begitu juga dengan peperiksaan BJCE juga akan dilaksanakan tidak lewat dari tahun 1997.

Yang Berhormat mengumumkan perkara ini di Majlis Pelancaran Kursus Pelajaran Jawi Seluruh Negara Bagi Para Pegawai, Guru-guru dan Kakitangan Kementerian Pendidikan yang berlangsung di Sekolah Menengah Salambigar di sini.

Yang Berhormat berkata, apabila kemahiran dalam Jawi telah tercapai maka semua mata pelajaran agama akan diajarkan dengan tulisan Jawi selaras dengan usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama yang sedang mengusahakan penerbitan buku-buku agama dari Rumi ke Jawi.

"Saya juga ingin melihat pada suatu masa nanti, jenis-jenis tulisan Jawi yang digunakan akan diselaraskan supaya jenis tulisan Jawi yang digunakan adalah seragam tanpa mengisytiharkan sumber-sumber serta pengaruh Islam," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menegaskan dalam usaha untuk mengembalikan kegemilangan tulisan Jawi dan menzahirkan identiti bangsa kita yang merdeka lagi berdaulat ini sudah sepatutnya usaha memancarkan warisan bangsa kita dipertingkatkan.

"Amatlah mendukacitakan bagi kita jika perkara ini diabaikan," tegas Yang Berhormat.

Oleh
Aliddin HM

Dalam hubungan ini, kata Yang Berhormat, kementerian telah mengambil langkah positif ke arah memperkembangkan dan memperdekasikan penguasaan pengetahuan dan kemahiran Jawi di kalangan guru-guru di negara ini, sebagai menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dititahkan di Majlis Pertandingan Membaca Ayat Suci Al-Quran Peringkat Kebangsaan pada 14 Februari 1991 yang menitahkan betapa pentingnya kita semua rakyat beringat menguasai segala kemahiran Jawi.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa kementerian telah menjalankan usaha ke arah kemahiran dalam tulisan Jawi sejak awal tahun 1980-an lagi.

"Usaha-usaha yang sudah, sedang dan yang akan diusahakan pada masa ini hanyalah merupakan penerusan bagi meningkatkan lagi usaha yang sudah dijalankan," jelas Yang Berhormat.

Antara langkah tersebut, kata Yang Berhormat, ialah latihan dan siri kursus kemahiran Jawi bagi guru-guru seluruh negara yang sedang dan akan dijalankan pada 27 April ini secara berperingkat-peringkat dan berkumpulan.

Kementerian ini, tambah Yang Berhormat, telah menentukan 'target' iaitu menjelang 31 Disember tahun ini, insya Allah kesemua guru-guru tempatan yang beragama Islam sekurang-kurangnya akan tahu menulis dan membaca Jawi. Sementara lain-lain guru tem-

patan dan guru-guru dalam perkhidmatan kontrak adalah setakat yang digalakkan sebagai pilihan bagi mereka yang suka sahaja bagi menekankan pentingnya pelajaran tulisan Jawi ini.

Yang Berhormat menyeru kepada guru-guru yang diwajibkan untuk mengikuti kursus-kursus yang diwajibkan akan mengikutinya dengan penuh semangat dan tanggungjawab serta komited. Moga-moga dengan perancangan yang rapi dan pelaksanaan kursus yang sempurna serta gigih dari para peserta kursus ini tidak ada sesiapa yang akan tercicir dalam mengikuti kursus tersebut.

Yang Berhormat juga menyeru supaya semua guru-guru di negara ini akan merebut peluang mengikuti kursus ini dan menggunakan kemudahan-kemudahan yang diberikan.

Kursus pelajaran Jawi ini dimulakan pada 27 April ini hingga 23 Mei akan datang bagi seramai 88 orang guru yang akan menjadi kakitangan sumber atau pengajar utama. Manakala peringkat kedua akan bermula 15

Jun hingga Disember tahun ini bagi seramai lebih 3,600 orang guru, kakitangan dan pegawai Kementerian Pendidikan.

Mereka ini akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap guru dan pegawai dalam suatu kumpulan itu akan mengikuti kursus selama tidak kurang 30 jam yang akan berjalan selama dua atau tiga minggu.

Matlamat utama kursus ini adalah untuk memberi kemahiran pelajaran Jawi, kepada para peserta kursus dalam empat bidang iaitu kemahiran membaca, mengeja, menulis dan mengajar dan yang lainnya hanyalah diharuskan untuk setakat kebolehan membaca, mengeja dan menulis sahaja.

Yang Berhormat juga menyaksikan mini pameran mengenai pelbagai hasil sejarah dan perkembangan serta karya dalam berbagai bidang ilmu yang terakam dalam tulisan Jawi.

Hadir sama di majlis itu ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat serta para pegawai kanan kerajaan, pengetua-pengetua, guru-guru besar dan para peserta kursus.



AWANG Mawardi bin Haji Abdullah, Pengurus Am, Pusat Perbekalan Kerjasama ketika menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta kursus. — Gambar oleh Abdullah HAD.

Ke arah pembangunan koperasi yang lebih mantap, sihat

Oleh
Aliddin HM

GADONG, 22 April. — Pengurus Am, Perbekalan Kerjasama, Awang Mawardi bin Haji Abdullah menyeru para peserta kursus bahawa segala ilmu yang diperolehi semasa kursus itu akan dapat dipraktikkan dan seterusnya disebarluaskan kepada para ahli yang belum memahami atau masih samar-samar tentang "Apa itu Koperasi".

Menurutnya dengan wujudnya kefahaman yang luas di kalangan ahli-ahli itu sendiri terhadap koperasi, ianya akan dapat memantapkan lagi sokongan-sokongan dan penglibatan ahli itu sendiri bukan saja dari segi buah fikiran bahkan juga pengemblemangan tenaga mereka demi mencapai ke arah pembangunan koperasi yang lebih mantap dan sihat.

Beliau membuat seruan ini di Majlis Penutupan Rasmi Kursus Kefahaman dan Pengenalan Koperasi yang berlangsung di Jabatan Kemajuan Kerjasama di sini.

Dalam hubungan ini tambah beliau, pihak jabatan amatlah berharap agar kursus yang diadakan ini bukan saja akan memperluaskan lagi bidang pengetahuan mereka bahkan juga akan dapat memperlekapkan lagi kefahaman ke atas diri mereka mengenai dengan hal ehwal berkoperasi.

"Dengan adanya cara sedemikian rupa, insya Allah segala langkah atau tindak tanduk yang akan dibuat atau dilakukan nanti dalam koperasi itu sendiri akan dijalankan dengan baik dan lancar mengikut landasan-landasan yang dikehendaki oleh Undang-Undang Syarikat Kerjasama 1975," ujar beliau.

Terdahulu sebelum itu ucapan alu-aluan juga telah disampaikan oleh Ketua Bahagian Perkembangan Pendidikan dan Penerbitan, Pengiran Ahmad bin Pengiran Metassan yang antara lain berkata, Jabatan Kemajuan Kerjasama akan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan usaha dalam mengukuhkan pelbagai rancangan pendidikan, semata-mata untuk meningkatkan lagi prestasi dan khidmat koperasi kepada para ahlinya di negara ini.

"Adalah menjadi harapan kami di jabatan ini supaya setiap ilmu pengetahuan yang abis pengiran, awang perolehi itu digunakan dengan cara mempraktikkannya di koperasi masing-masing. Mudah-mudahan dengan cara ini semua usaha kita di kedua belah pihak untuk melihat koperasi itu sebagai salah satu institusi perniagaan dan perpaduan yang dapat memupuk persefahaman dan perpaduan serta dapat meningkatkan sosio-ekonomi di kalangan rakyat dan penduduk negara ini akan tercapai," jelas beliau.

Seramai 25 orang peserta mengikuti kursus tiga hari mengenai kefahaman dan pengenalan koperasi yang bermula pada 20 April hingga 22 April yang lalu yang terdiri dari ahli-ahli gabungan koperasi nasional termasuklah peratuan belia dan koperasi sekolah.

Di akhir majlis tetamu kehormat telah menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta kursus.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh (dua dari kanan), selaku wakil peribadi Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail ketika hadir di majlis tersebut. Juga kelihatan dalam gambar ialah Naib Canselor UBD, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apang (tiga dari kanan) dan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad (kiri sekali). — Gambar oleh Masmaleh HMA.

Rancangan pembangunan negara kini utamakan perkembangan industri

GADONG, 22 April. — Negara Brunei Darussalam sudah mula mengurangkan penggantungan terhadap eksploitasi sumber-sumber minyak dan gas ke arah mempelbagaikan ekonomi negara.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail berkata, rancangan pembangunan negara kini memberi keutamaan lebih besar terhadap industri yang bukan berasaskan kepada minyak dan juga sektor pertanian.

Dalam ucapan perasmian di Seminar Antarabangsa Mengenai Pengurusan Sumber dan Perancangan Ruang Di Negara-Negara Membangun: Perspektif Teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang disampaikan oleh wakil peribadinya, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa negara kita yang berkembang maju ke arah pembandaran yang pesat memberi tekanan bukan sahaja terhadap sumber semula jadi bahkan juga mutu alam sekitar semula jadi.

Menteri Pembangunan terdahulu dari itu menegaskan bahawa pengurusan sumber dan alam sekitar adalah perkara penting yang perlu diberi perhatian di dunia yang sedang membangun pesat dengan proses pembandaran.

Bagaimanapun, kata Yang Berhormat kepentingan pengurusan sumber dan alam sekitar menjadi lemah oleh masalah yang semakin mendesak akibat pengurangan sumber alam semula jadi dan kemusnahan alam sekitar.

Antara masalah tersebut, menurut Yang Berhormat,

Oleh
Bolhassan HAB

ialah kemungkinan perubahan cuaca seluruh dunia disebabkan oleh kesan rumah hijau 'green house'; lapisan keladak asid berpunca dari bahan api fosil yang hangus; pemindahan hutan hijau dan hutan tumbuhan lama, mengurangnya hakisan tanah dan menurunnya mutu air disebabkan oleh pertanian yang intensif; pengurangan lapisan ozon bumi dan pengurangan kepelbagaian biologi.

"Meskipun punca-puncanya cukup difahami dan dihargai oleh masyarakat antarabangsa, bagaimanapun ia hendaklah diselesaikan terutama sekali dari segi pembiayaan dan kemudahan ke arah teknologi yang bersesuaian perlu ditetapkan di antara negara-negara membangun dan yang sedang membangun," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat me-

lahirkan harapan agar Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) yang akan dilangsungkan di Rio de Janeiro, Brazil pada bulan Jun tahun ini dapat menyelesaikan masalah dan prinsip piagam bumi dan program tertentu untuk diberi tindakan di bawah Agenda 21 supaya dapat diusahakan untuk dipergunakan oleh masyarakat antarabangsa.

Seminar antarabangsa selama empat hari yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam dan Pusat Pembangunan Wilayah, Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCED), Nagoya, Jepun itu bertujuan untuk mengkaji bagaimana teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) dapat membangun usaha-usaha ke arah perancangan serta pelaksanaan pengurusan sumber pada peringkat wilayah, kebangsaan dan tempatan.

Seramai 20 orang pakar dari 15 buah negara membentangkan kertas kerja yang meliputi berbagai aspek di bawah tema tersebut.



SEBAHAJIAN daripada peserta yang menghadiri Seminar Antarabangsa Mengenai Pengurusan Sumber dan Perancangan Ruang Di Negara-negara Membangun: Perspektif Teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS). — Gambar oleh Masmaleh HMA.

60 projek baru dapat diungkayahkan

MUMONG, 29 April. — Pemangku Jurutera Kerja Kanan, Jabatan Kerja Raya, Awang Mohd. Hussin bin Matassan menekankan, untuk keberkesanan sesuatu organisasi, perhubungan secara 'literal' mahupun 'vertikal' hendaklah dipupuk dan diasuh.

Menurut beliau, dari awal tahun 1992 hingga ketika ini, Jabatan Kerja Raya Daerah Belait melalui kerja rapat dengan Jabatan Kerja Raya Bandar Seri Begawan telah dapat mengungkayahkan 60 projek baru di Daerah Belait dan akan meningkat ke 100 projek bagi sepanjang tahun ini.

Pengarah Kerja Raya, Dato Paduka Awang Haji Othman bin Haji Yaakub selaku tetamu kehormat di majlis itu telah bertukar-tukar ucapan Selamat Hari Raya dengan kakitangan jabatan itu dan menyampaikan cenderamata kepada bekas Jurutera Kerja, Awang Fan Phai Hien yang telah bersara pada 21 April lalu.

Beliau berkata demikian dalam ucapan alu-aluan selaku pengerusi di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi kakitangan Jabatan Kerja Raya di Sekolah Menengah Mumong di sini.



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Kesihatan, Pengiran Dato Paduka Mohd. Yassin semasa hadir sebagai tetamu kehormat di Majlis Meraikan Ahli-ahli Persatuan Orang-Orang Cacat Anggota dan Berkerusi Roda (PAPDA) sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri oleh para ahli 'Core group' di Restoran Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

Dua buah kerusi roda disumbangkan kepada PAPDA

BERAKAS, 24 April. — Persatuan Orang-Orang Cacat Anggota dan Berkerusi Roda (PAPDA) telah diraikan di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri oleh ahli-ahli 'Core Group' di Restoran Stadium Negara Hassanal Bolkiah di

sini hari ini.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Pengiran Dato Paduka Mohd. Yassin bin Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin yang juga berucap, antara lain mengucapkan selamat hari raya kepada ahli-ahli PAPDA dan 'Core Group' yang tidak sempat beliau kunjungi semasa hari raya.

Bagi memeriahkan lagi majlis pada hari itu beberapa hiburan seperti nyanyian telah dipersembahkan oleh para ahli 'Core Group' dan ahli-ahli PAPDA dan juga pertunjukan silap mata.

Di akhir majlis tetamu kehormat telah menerima dua buah kerusi roda bagi Persatuan PAPDA yang disumbangkan oleh ahli 'Core Group' yang disampaikan oleh Awang Sajjan Raman, Pengurus Am Syarikat American International Assurance Limited dan setiap ahli PAPDA juga menerima sumbangan wang \$30.00 daripada syarikat berkenaan.

Peraduan Menulis Cerpen dan Sajak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan mengadakan Peraduan Menulis Cerpen dan Sajak sempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1412 Hijrah.

Tujuan peraduan ialah bagi menggalakkan penulis tempatan bergiat dalam penulisan cerpen dan sajak yang berunsur keagamaan (Islam); memperbanyak bahan bacaan tempatan dan sebagai salah satu aktiviti Pusat Da'wah Islamiyah.

Peraduan tersebut terbuka kepada semua warga Negara Brunei Darussalam kecuali ahli jawatankuasa.

Borang penyertaan serta keterangan lanjut boleh didapati dari Setiausaha Peraduan, Peraduan Menulis Cerpen dan Sajak, Sempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1412 Hijrah, Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Cerpen dan sajak beserta borang penyertaan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 1 Julai, 1992 jam 4.00 petang.

Jalin hubungan diplomatik

NEW YORK, 24 April. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Argentina, telah bersetuju untuk menjalinkan hubungan diplomatik antara kedua buah negara mulai hari ini. Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama Penjalanan Hubungan itu telah diadakan di sini.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Jaya bin Abdul Latif, Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sementara mewakili Kerajaan Argentina ialah Tuan Yang Terutama Tuan Jorge Vazquez, Wakil Tetap Argentina ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

DARI MUKA I

Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan lain-lain kerabat diraja.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Sultan Pahang telah disertai oleh tiga orang puteri baginda iaitu Yang Amat Mulia Tengku Dato' Aishah, Yang Amat Mulia Tengku Hajjah Nong Fatimah, Yang Amat Mulia Tengku Hajjah Shahariah serta lain-lain ahli kerabat diraja Pahang.

Sementara itu doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz.



DAYANG Hajjah Jamilah binti Haji Abdi Manaf, pemenang ketiga Peraduan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur menerima sumbangan \$4,000 kurnia Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran yang disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Seruddin.

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

"Kejayaan itu sendiri sebenarnya adalah suatu sumbangan yang amat bermilai bagi mengharumkan lagi nama Negara Brunei Darussalam," ujar Yang Berhormat.

Dalam hubungan ini, tegas Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai pihak yang diamanahkan untuk mengembang dan meningkatkan lagi mutu pembacaan Al-Quran, sangatlah bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala di atas kejayaan Dayang Hajjah Jamilah itu.

Yang Berhormat berharap, mutu pembacaan Al-Quran Dayang Hajjah Jamilah akan terus meningkat di masa-masa akan datang dan qari-qari dan qariah-qariah yang lain akan dapat bercontoh kepada kejayaan itu.

Yang Berhormat kemudian telah menyampaikan kurnia Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran itu kepada Dayang Hajjah Jamilah yang berupa wang tunai sebanyak \$4,000.

Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran yang berupa hadiah galakan wang tunai yang diberikan kepada qari dan qariah yang

mewakili Negara Brunei Darussalam ke pertandingan Al-Quran peringkat antarabangsa yang memenangi tempat pertama, kedua dan ketiga.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 31 Januari, 1990 ketika

Pencapaian aspirasi negara perlukan penglibatan semua rakyat, penduduk

KUALA BELAIT, 18 April.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah berkata ke arah mencapai matlamat dan aspirasi negara sepenuhnya memerlukan rakyat yang melengkapkan diri mereka dengan sikap dan tabiat yang terpuji lagi mulia.

Awang Haji Hazair berkata bagi mencapai ciri-ciri dan sifat-sifat tersebut kuncinya ialah iman yang terkandung dalam ajaran-ajaran agama Islam.

"Hanya rakyat dan penduduk yang beriman dan mempunyai pegangan Islam yang tebal dan kukuh dalam

Oleh
Dk. Saidah POA

diri mereka akan dapat mengawal pemikiran, perasaan, kemahuan dan nafsu iaitu daripada terkeluar daripada batas-batas kemanusiaan," kata beliau.

Beliau berkata demikian di dalam ceramah beliau bertajuk 'Matlamat dan Aspirasi Negara' di Majlis Taklimat Penerangan Bagi Penuntut-penuntut Tingkatan 4 dan 5 Maktab Anthony Abell, Seria di Dewan Jabatan Penerangan

di sini.

Beliau seterusnya berkata keistimewaan dalam matlamat dan aspirasi negara itu bukan saja hanya bertujuan untuk memastikan kewujudan bangsa dan keutuhan wilayah, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan penduduk tetapi juga bagi memastikan terdapat perimbangan di antara perkembangan material dan rohani di kalangan rakyat dan penduduk.


Beliau seterusnya berkata pencapaian matlamat dan aspirasi negara itu bukanlah semata-mata terletak kepada kerajaan untuk memenuhi dan mencapainya tetapi ia memerlukan penglibatan rakyat dan penduduk di semua peringkat di Negara Brunei Darussalam.

Untuk memastikan matlamat dan hasrat kerajaan itu tercapai dengan sepenuhnya dan akan dapat diteruskan, penuntut-penuntut perlu memperlembutkan diri mereka dari awal lagi, ujar beliau.

Dari itu penuntut-penuntut perlu menumpukan segala konsentrasi dan tenaga mereka kepada pelajaran, membiasakan diri kepada kehidupan berdisiplin, bersifat amanah, jujur dan semangat setiakawan serta bertanggjawab kepada masyarakat sekeliling, tambah beliau.

"Sekiranya mereka dapat membiasakan diri dengan ciri-ciri tersebut termasuk menjauhkan diri daripada gejala-gejala yang bertentangan dengan cara hidup kita di Negara Brunei Darussalam sama ada bertentangan dengan agama, adat istiadat dan budaya, kita akan dapat mencapai dan seterusnya meneruskan matlamat dan aspirasi negara itu," ujar Pemangku Pengarah Penerangan.

Sebelum itu para penuntut telah mendengar ceramah bertajuk 'Melayu Islam Beraja' oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Yusof bin Ladi dan di majlis itu juga telah diadakan ramah mesra dan sesi soal jawab.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah ketika menyampaikan ceramah bertajuk 'Matlamat dan Aspirasi Negara' di Majlis Taklimat Penerangan Bagi Penuntut-penuntut Tingkatan 4 dan 5 Maktab Anthony Abell, Seria di Dewan Jabatan Penerangan Kuala Belait. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

Penutupan kawasan jalan raya di Gadong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Kecil Meneliti Tanda-Tanda Lalulintas Jalan Raya dalam usahanya untuk memperbaiki keadaan pengaliran lalulintas di sepanjang Jalan Gadong akan membuat penutupan kepada beberapa kawasan 'U' Turn di sepanjang Jalan Gadong secara percubaan.

Penutupan beberapa kawasan 'U' Turn di sepanjang jalan tersebut telah bermula pada 26 April, 1992.

Dari itu orang ramai terutamanya pemandu-pemandu yang menggunakan jalan tersebut akan dapat berhati-hati dan berwaspada

dan seterusnya akan dapat mengambil perhatian kepada papan-papan tanda yang disediakan di kawasan-kawasan yang terlibat.

Kerja-kerja penutupan dan pengubahan kepada kawasan-kawasan 'U' Turn di sepanjang jalan tersebut telah bermula pada 25 April, 1992 (Sabtu) dari jam 5.00 petang hingga 12.00 tengah malam. Dari itu orang ramai terutamanya pemandu-pemandu yang menggunakan jalan tersebut supaya akan berhati-hati dan mematuhi arahan-arahan melalui papan-papan tanda yang dipasang demi untuk keselamatan.

Dayang Erdiana juara Bintang Kecil 1992

Oleh
Bolhassan HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Mei. — Dayang Erdiana binti Ali Zainal muncul sebagai johan setelah mengalahkan sembilan peserta dalam Pertandingan Akhir Bintang Kecil 1992 yang berlangsung di Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei (RTB) di sini.

Dayang Erdiana adalah pemenang kedua pertandingan peringkat akhir Bintang Kecil tahun lepas (1991) telah menerima oskar rebutan dan wang tunai \$1,000 serta sebuah piala iringan.

Berangkat menyaksikan pertandingan yang disiarkan

secara langsung oleh RTB ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolqiah selaku tetamu kehormat; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Nigmatul Bulkhiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzhil Lubabul Bulqiah.

Keberangkatan putera dan puteri-puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Pengarah Radio dan Televisyen Brunei, Awang Haji Aliddin bin Haji Othman serta para pegawai kanan RTB.

Naib johan disandang oleh peserta tunggal lelaki peringkat akhir, Awang Zulhili bin Haji Abidin telah menerima hadiah wang tunai \$700 beserta piala iringan. Sementara itu tempat ketiga ialah Dayang Suzianti binti Tuah yang menerima wang tunai \$500 dan juga piala iringan.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolqiah juga telah berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang dan peserta pertandingan tersebut.

Pertandingan Akhir Bintang Kecil kali ke-15 tahun ini adalah bersempena menyambut 35 tahun perkhidmatan Radio Brunei.

Menyerikan lagi pertandingan yang bertemakan 'Berusaha dan Berbakti' itu ialah persembahan dari juruhebah-juruhabah radio dari tiga rangkaian iaitu Perkhidmatan Radio Melayu, Inggeris dan Cina.

Rancangan bagi pastikan penggunaan zon persisiran akan dikendali

GADONG, 28 April. — Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Malai Ali berkata kementerian akan melaksanakan beberapa rancangan yang selaras dengan usaha-usaha bagi memastikan tanggungjawab bersama dalam mencapai penggunaan zon persisiran.

Menurut Dato Paduka Malai Ali, pengalaman dan kaedah yang digunakan telah memberikan kita satu cara berguna bagi mengatasi pengurusan dalam perubahan persisiran kita yang dinamik.

Dato Paduka Malai Ali berkata demikian ketika merasmikan Bengkel Serantau Mengenai Perancangan dan Pengurusan Bersepadu Zon Persisiran Dalam ASEAN: Pelajaran Yang Diperolehi.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Perikanan, Pengiran Sarifuddin bin Pengiran Haji Yusoff dalam ucapan alu-aluan antara lain berkata bengkel yang diadakan selama tiga hari itu adalah yang terakhir di bawah Projek Pengurusan Sumber Persisiran ASEAN — Amerika Syarikat (CRMP) dan mungkin juga pertunai ke satu era usaha padu dan baik dari peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa dalam melaksanakan rancangan pengurusan persisiran bersepadu yang telah diwujudkan oleh projek berkenaan dalam usaha memajukan persisiran ASEAN dan sumbernya.

Juga berucap di majlis itu ialah Ketua Pengarah Pusat Antarabangsa Bagi Kehidupan Sumber Aquatic, Dr. Kenneth T. Mackay dan Timbalan Wakil USAID Bagi ASEAN — Thailand, Awang Robert Dakan yang mana teks ucapannya telah disampaikan oleh Dr. Chua Thai Eng.

Menurut Awang Dakan, USAID ASEAN akan mula melaksanakan Projek Pembaikan Persekitaran ASEAN pada bulan Ogos ini dan kerjasama persekitaran ASIA — Amerika Syarikat yang di-

Oleh
Dk. Saidah POA

jadualkan bermula tahun depan.

Seramai 50 peserta dari negara-negara anggota ASEAN menghadiri bengkel tersebut di mana mereka telah mendengar dan membincangkan beberapa tajuk dan pengalaman-pengalaman penyelidikan dalam bidang yang berkaitan mengikut negara masing-masing.

Bengkel tersebut merupakan urutan daripada kerjasama ASEAN untuk mewujudkan satu rancangan pengurusan bagi kemajuan persisiran dalam ASEAN.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Malai Ali (tiga dari kanan) ketika hadir selaku tetamu kehormat di pembukaan rasmi Bengkel Serantau Mengenai Perancangan dan Pengurusan Bersepadu Zon Persisiran Dalam ASEAN: Pelajaran Yang Diperolehi. — Gambar oleh Masmaleh HMA.



AHLI-AHLI Jawatankuasa Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-46 tahun ketika mengadakan mesyuaratnya bagi membincangkan acara-acara sambutan yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Othman bin Awang Damit di Bilik Gerakan Jabatan Daerah Brunei dan Muara. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

Mesyuarat bincangkan sambutan perayaan

BERAKAS, 27 April. — Ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-46 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan mesyuaratnya hari ini di Bilik Gerakan Jabatan Daerah Brunei dan Muara di sini.

Mesyuarat pada pagi itu dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Othman bin Awang Damit yang bertujuan membincangkan perancangan dan persediaan-persediaan bagi acara-acara dan aktiviti-aktiviti sempena perayaan tersebut.

Jawatankuasa itu, seperti juga di tahun-tahun yang sudah mengharapkan semua lapisan rakyat dan penduduk termasuklah sektor swasta di daerah ini akan dapat bersama-sama mengambil bahagian menyertai serta menyumbangkan dalam apa jua bentuk acara dan aktiviti yang bersesuaian untuk bersama-sama menjayakan dan memeriahkan sambutan perayaan pada tahun ini.

3,000 bakal jemaah haji akan berlepas dalam 12 penerbangan

BERAKAS, 22 April. — Hampir 3,000 orang bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam akan bertolak meninggalkan negara ini dalam 12 buah penerbangan yang bermula pada 13 Mei ini.

Penerbangan pertama

seramai 236 orang akan bertolak jam 7.00 pagi hari Rabu depan dengan menaiki pesawat Diraja Brunei Boeing B767. Ini diikuti penerbangan kedua pada 17 Mei, begitu juga penerbangan seterusnya akan bertolak berturut-turut sehingga ke-12 iaitu 26 Mei, 1992.

Oleh
Dk. Fatimah PHMN

Perkara ini telah diumumkan semasa mesyuarat bagi ahli-ahli Jawatankuasa Penerbangan Jemaah Haji yang berlangsung di Pejabat Penerbangan Diraja Brunei yang juga termasuk wakil-wakil dari Penerbangan Dira-

ja Brunei dan jabatan-jabatan kerajaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini.

Mesyuarat juga menyentuh mengenai ketibaan jemaah-jemaah haji yang bermula pada 15 Jun sehingga 28 Jun dalam lapan penerbangan di samping menetapkan tarikh penerimaan beg bagi bakal-bakal haji tahun ini iaitu sehari sebelum jadual keberangkatan jemaah haji.



AHLI-AHLI Jawatankuasa Penyelenggara Penerbangan Haji Negara Brunei Darussalam sedang bermesyuarat bagi membincangkan penyaluran dan kelancaran bakal-bakal jemaah haji tahun ini. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

Peraduan Mari Bercerita 1992

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka akan menganjurkan Peraduan Mari Bercerita Tahun 1992 bagi kanak-kanak berumur 9 hingga 12 tahun.

Peraduan ini adalah merupakan projek tahunan Bahagian Perpustakaan yang bertujuan memupuk semangat membaca di

kalangan kanak-kanak dan meningkatkan daya imaginasi mereka; melatih kanak-kanak supaya berani berhadapan dengan khalayak ramai dan memberi daya inisiatif kanak-kanak untuk memahami segala isi cerita yang disampaikan.

Borang penyertaan dan keterangan lanjut boleh didapati daripada Setiausaha Peraduan Mari Bercerita

1992, Awang Haji Mohd. Yusoff bin Awang Haji Mumi Tingkat 2, Bahagian Perpustakaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan atau Perpustakaan Perpustakaan Cawangan dan semua Pusat Perhentian Perpustakaan Bergerak, Dewan Bahasa dan Pustaka. Borang-borang penyertaan yang sudah lengkap diisi hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 23 Mei, 1992.

RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN

JABATAN Kemajuan Perumahan akan memenduga pemohon-pemohon yang menyertai Rancangan Perumahan Negara secara berperingkat-peringkat.

Temuduga tersebut akan diadakan di Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 3, Bangunan Suruhannya Perkhidmatan Awam, bekas Lapangan Terbang Lama, Berakas pada tarikh yang ditentukan, jam 8.00 pagi.

Perkara yang perlu dibawa oleh pemohon-pemohon semasa temuduga adalah seperti berikut:-

1. a. Kad Pengenalan pemohon, isteri/suami dan anak-anak serta tanggungan (dan salinan).
- b. Sijil kerakyatan pemohon, isteri/suami (dan salinan).
- c. Surat Beranak pemohon, isteri/suami dan anak-anak serta tanggungan (dan salinan).
- d. Surat Labutan ke Jawatan Tetap/Open Vote/Sebulan ke sebulan dan surat lantikan semasa bergaji hari.
- e. Sijil nikah/kahwin/cerai (dan salinan).
- f. Salinan geran tanah yang dimiliki pemohon, isteri/suami.
2. Kegagalan untuk menghadiri temuduga yang tersebut di atas adalah dikira menarik diri dan seterusnya permohonan bagi menyertai rancangan tersebut tidak dapat dipertimbangkan.

Berikut ialah senarai nama-nama yang dipanggil temuduga :-

2 JUN, 1992 HARI SELASA

Dayang Damit binti Haji Awang Chucho @ Zainah K/P 008525 (k); Semudin bin Bungso K/P 047462 (k); Marsal bin Sabtu K/P 048946 (k); Ibrahim bin Sulaiman K/P 047939 (k); Marzaina binti Haji Abdullah K/P 047914 (k); Pg Ahmad bin Pg. Sulaiman K/P 037743 (k); Rominah binti Haji Ibrahim K/P 045377 (k); Jamuludin Mokhtal @ Tajudin K/P 046866 (k); Mohd Yusoff bin Abd Rahim K/P 055126 (k); Mohd Daud bin Matassan K/P 032445 (k); Jumaat bin Haji Bando K/P 047151 (k); Tuah bin Abd Kadir K/P 033404 (k); Haji Abidin bin Haji Tengah K/P 060154 (k); Hasnah binti Tuah K/P 073628 (k); Mohd Ali bin Mohammad K/P 050187 (k); Asli bin Haji Abd Rauf K/P 064856 (k); Mat Salleh bin Tahir K/P 000490 (k); Awang Bini bin Zaini K/P 027509 (k); Hanapiyah bin Abu Bakar K/P 051759 (k); Siti Sara binti Tinggal K/P 050053 (k); Awang Damit bin Jabir K/P 026098 (k); Yalau binti Anam @ Yusrina Abdullah K/P 053113 (k); Suhaimi bin Abu Bakar K/P 048646 (k); Patimah binti Haji Garif K/P 039598 (k); Normah binti Haji Mattarsad @ Mattarsad K/P 057810 (k).

3 JUN, 1992 HARI RABU

Hasnah binti Bagul @ Bagol K/P 039532 (k); Awang Damit bin Haji Metusin K/P 001833 (k); Hasnah binti Suhaili K/P 030556 (k); Mesniah binti Haji Ali K/P 043366 (k); Redi binti Ahmad K/P 005491 (k); Noorshah bin Mohd Salleh K/P 060210 (k); Abd Rahman bin Md Tahir K/P 057136 (k); Zainab binti Ahmad K/P 045095 (k); Zaliha binti Haji Karim K/P 051331 (k); Nariah binti Haji Sheikh Yahya K/P 052675 (k); Mariam binti Haji K/P 042758 (k); Awang Haji Ahmad bin Haji Adam K/P 073904 (k); Haji Mohd Yusoff bin Haji Othman K/P 052344 (k); Rogayah binti Mohd Ali K/P 061505 (k); Zaleha binti Haji Siput K/P 060454 (k); Abd Karim bin Mohd Kassim K/P 058500 (k); Abdul Rahman bin Mohamad K/P 048244 (k); Mariamah binti Md Tahir K/P 066755 (k); Jaya bin Haji Md Yusoff/Yusoff K/P 012488 (k); Ak Hidar bin Pg Besar K/P 010365 (k); Md Daud bin Abd Kadir @ Md Salleh K/P 034469 (k); Sadiyah binti Nasir K/P 055858 (k); Dk. Hjh. Halimah binti Pg Hj. Damit K/P 060265 (k); Zakaria bin Timbang K/P 023015 (k); Halimah binti Badul K/P 053598 (k).

4 JUN, 1992 HARI KHAMIS

Dayang Zainab binti Haji Jeludin K/P 060087 (k); Dayang Emas binti Jaafar K/P 044663 (k); Mohd Aswandi bin Abdullah K/P 054003 (k); Abdul Rarak bin Abd Kadir K/P 034292 (k); Ak Sahari bin Pg Sabtu K/P 061698 (k); Md. Yusoff bin Haji Salleh K/P 029557 (k); Mariyah binti Haris K/P 045410 (k); Awang Daud bin

Ahmad @ Amat K/P 043177 (k); Hajjah binti Haji Dagang K/P 055277 (k); Haji Suhaimi bin Pengarah Haji Othman K/P 044304 (k); Norsiah binti Kunchang K/P 060319 (k); Wee Oi Jock K/P 051069 (k); Tamit bin Haji Alias K/P 008245 (k); Zaiton bin Abdullah K/P 065256 (k); Marani binti Umar K/P 051572 (k); Ak. Zainal bin Pg. Hj. Md. Daud K/P 048027 (k); Awang Abd Rahman bin Haji Ibrahim K/P 053147 (k); Awang Mahani bin Awang Kahar K/P 056049 (k); Maimunah binti Othman K/P 045708 (k); Eisah binti Haji Omar K/P 050626 (k); Rosnah binti Jumaat K/P 055392 (k); Latipah binti Haji Latip K/P 058454 (k); Dayangku Hazrah binti Pg Haji Sabtu K/P 055020 (k); Junita binti Momin K/P 043439 (k); Dayang Hasnah binti Haji Taha K/P 055504 (k).

8 JUN, 1992 HARI ISNIN

Kadir bin Halim K/P 037849 (k); Ibrahim bin Haji Ahmad K/P 032076 (k); Mat Jali bin Tuah K/P 049815 (k); Hajjah Abijah binti Haji Bungsu K/P 04856 (k); Ahmadiah bin Haji Mohamad K/P 048897 (k); Awang Naidi bin Haji Mohd Zain K/P 013090 (k); Mohaimin bin Awang Besar K/P 061783 (k); Hajjah Dayang Jaliha binti Haji Momin K/P 029004 (k); Pg Abd Wahab bin Pg Bendahara Pg Anak Hj Md Yassin K/P 053590 (k); Siti Anim binti Hj. Ibrahim K/P 057864 (k); Jaliha binti Awang Haji Salleh K/P 006693 (k); Latif bin Haji Metassan K/P 064503 (k); Hajjah Maimunah binti Abdullah K/P 010014 (k); Pg Jaludin Simpul bin Pg Haji Osman K/P 043191 (k); Awang Mahari bin Haji Mohammad K/P 049641 (k); Dk. Aishah binti Pg Timbang K/P 049753 (k); Fatimah binti Md Jair K/P 054996 (k); Siti Armah binti Sabtu K/P 064906 (k); Ramlil bin Timbang K/P 057509 (k); Dy Linnah Lim binti Abdullah @ Lim Ngou Niah K/P 059067 (k); Abd Razak bin Haji Abu Bakar K/P 004168 (k); Siti Armah binti Haji Abd Momin K/P 008092 (k); Mohamad bin Ali K/P 046106 (k); Fatimah binti Simpul @ Simpul K/P 021594 (k); Abdul Hamid bin Mohamad K/P 009638 (k).

9 JUN, 1992 HARI SELASA

Jaafar bin PTIDSP Haji Metassim K/P 000706 (k); Awang Jailani bin Haji Ibrahim K/P 050998 (k); Emran bin Md. Yusoff K/P 014704 (k); Ak Ahmad bin Pg Haji Metassan K/P 053005 (k); Awang Sulaiman bin Haji Latip K/P 042548 (k); Rosinah binti A Momin K/P 041852 (k); Mariani binti Awang Hamid K/P 063590 (k); Idris bin Haji Ibrahim K/P 040680 (k); Sharifah Rasidah Syed Ahmad Hussain K/P 043875 (k); Haji Abd Rahman bin Haji Yahya K/P 058460 (k); Dk Mardiah binti Pg Md Jaafar K/P 062620 (k); Samsudin bin Haji Metusin K/P 058374 (k); A. Emran bin Haji Ismail K/P 017926 (k); Haji Mustapha bin Abd Hamid K/P 044796 (k); Haji Omar bin Dinin K/P 067777 (k); Haji Ramlil bin Haji Abd Hamid K/P 048606 (k); Siti Rehimah binti Jais K/P 062674 (k); Hajjah Noorhaya binti Md Daud K/P 042075 (k); Dayang Emas binti Haji Abd Wahid K/P 061146 (k); Abd. Latif bin Ibrahim K/P 027983 (k); Abd Rahim bin Talip K/P 049125 (k); Sulaiman bin Besar @ Emran K/P 003418 (k); Jijah binti Ampuan Sulaiman K/P 052275 (k); Awang Tahir bin Mohamad @ Mohamad K/P 049734 (k); Dk Aluiah binti Pg Haji Mohammad K/P 059549 (k).

10 JUN, 1992 HARI RABU

Aji bin Merassan K/P 064222 (k); Awang Shahri bin Awang Jaludin K/P 051549 (k); Bangkok bin Kulla @ Kula K/P 017526 (k); Mohd Salleh bin Ismail K/P 046947 (k); Harliana binti Abdullah @ Lilie Apit K/P 046434 (k); Kamis bin Haji Sapar K/P 032438 (k); Haji Yahya bin Tamin K/P 057990 (k); Pg Mohamed Hussain bin Pg Damit K/P 056705 (k); Pg Tejjuddin bin Pg Hj Sulaiman K/P 054741 (k); Mayassin bin Abdullah K/P 047524 (k); Ajak bin Haji Buntar K/P 051705 (k); Awang Judin bin Draman K/P 056326 (k); Rosli bin Matjudin K/P W/C 236 (k); Ahmad bin Haji Zainal K/P 015811 (k); Abd Mutalip bin Haji Shahminan K/P 045978 (k); Pg Ibrahim bin Pg Hashim K/P W/C 930 (k); Mohd Taha bin Tuah K/P W/C 470 (k); Husna binti Haji Latip @ Husnah K/P W/C 128 (k); Mohammed bin Sirat K/P W/C 1115 (k); Juana binti Joseph @ Juana Ho K/P 038738 (k); Roslan bin Metali K/P W/C 739 (k); Hashim bin Maidin K/P W/C 727 (k); Awang Zulkarnain bin Awang Haji Ahmad K/P 052272 (k); Ali Hassan bin Haji Yusop K/P W/C 886 (k); Ahmad bin Haji Salleh K/P W/C 1155 (k).

15 JUN, 1992 HARI ISNIN

Mohd Riduan bin Abdullah K/P W/C 583 (k); Abu Bakar bin Haji Abd Hamid K/P W/C 610 (k); Kueh Guat Hong K/P 048677 (k); Ahmad bin Haji Md Said K/P 0032399 (k); Bakir bin Taib @ Zaini bin Taib K/P PC 833 (k); Haji Johann bin Haji Sabtu K/P Sgt 865 (k); Pg Shamsuddin bin Pg Md Salleh K/P W/C 987 (k); Haji Abd Rahman bin Yusop K/P W/C 302 (k); Abd Rahman bin Apong K/P W/C 564 (k); Md Daud bin Haji Jaafar K/P W/C Sgt 563 (k); Abd Kanim bin Haji Meludin K/P W/C 438 (k); Bakar bin Tahir K/P W/C 438 (k); Bakar bin Tahir K/P 846 (k); Abu Bakar bin Lamit K/P W/C 754 (k); Zaman bin Tinggal K/P W/C 498 (k); Ismail bin Md Saat K/P W/C 932 (k); Hassan bin Ali K/P W/C 932 (k); Hassan bin Ali K/P W/C 13 (k); Pg Md Roslin bin Pg Abu Bakar K/P 13 (k); Sabil bin Hitam K/P W/C 315 (k); Ahmad Zaini bin Haji Wahab K/P W/C 119 (k); Sidek bin Haji Mohd Noor K/P W/C 1096 (k); Dayang Kamariah binti Ayum K/P 054024 (k); Mohd Hassan bin Ampuan Matahir K/P W/C 138 (k); Yakub bin Ahmad K/P 022399 (k); Sgt. 516 Mokhsin bin Limbang K/P W/C 516 (k); Johari bin Mustapa K/P 046918 (k).

16 JUN, 1992 HARI SELASA

Yusof bin Mujib K/P W/C 832 (k); Awang Hassan bin Haji Osman K/P 065104 (k); Awang Hashim bin Haji Metali K/P 042160 (k); Dayang Siti Hawa binti Mohammad K/P 054900 (k); Awang Abdul Karim bin Awang Abdul Razak K/P 051596 (k); Pg Haji Munap bin Pg Metassan K/P 023496 (k); Mohammad bin Awg. Abd. Rahman K/P 00390 (k); Hajjah Siti Sara bin Haji Ali Hussain K/P 007787 (k); Md Said bin Pg Sulaiman K/P 023650 (k); Lamit bin Omar K/P 061814 (k); Mohd Alias bin Mudin K/P 047933 (k); Awang Md Tali bin Mirasan K/P 054469 (k); Haji Ridzuan bin Nasir @ Kula bin Alias K/P 010081 (k); Fatimah binti Awang Dollah K/P 051160 (k); Isakhan bin Haji Alikhan K/P 046774 (k); Ak Aji bin Pg Ibrahim K/P 054519 (k); Norhayati binti Dato Paduka Haji Nordin K/P 043039 (k); Mohd Salleh bin Haji Omar K/P 042351 (k); Ak Mat Salleh bin Pg Mumin K/P 044570 (k); Awang Yunus bin Haji Mayalin K/P 048038 (k); Ak. Hashim bin Pengiran Ismail K/P 044159 (k); Awang Mohammad bin Awang Daud @ Salim K/P 050629 (k); Pungut bin Omar K/P 044159 (k); Abd Halim bin Haji Mohamad K/P 047651 (k); Pg Mohd Yusoff bin Pg. Abu Bakar @ Pg Yahya K/P 048021 (k).

17 JUN, 1992 HARI RABU

Ak Azahari bin Pg Haji Tengah K/P 043466 (k); Tang Chui Bee K/P 052230 (k); Ak Salleh bin Pg Md Tahir K/P 034097 (k); Dayang Usnah binti Haji Metasan @ Rosnah binti Haji Metassan K/P 008596 (k); Haji Md Daud bin Haji Mohd Jalil K/P 051611 (k); Haji Asmat bin Haji Jalil K/P 023755 (k); Haji Awang @ Haji Affende bin Haji Abdullah K/P 039397 (k); Ak. Suhaili bin Pg Bakar K/P 061684 (k); Jamil bin Mohd Yusoff K/P 049667 (k); Yunus bin Saban K/P 029170 (k); Shamsudin bin Abu Bakar K/P 047615 (k); Omar bin Haji Mohammad K/P 026859 (k); Ak. Mohd Salleh bin Pg Haji Abd Rahman K/P 011123 (k); Haji Abd Hamid bin Haji Mohd Zain K/P 040551 (k); Ibrahim bin Awang Ache K/P 044520 (k); Maimonah binti Ibrahim K/P 050846 (k); Mohammad bin Pawi K/P 045696 (k); Johari bin Buntar K/P 038224 (k); Rosni binti Haji Abd Manan K/P 036282 (k); Asmat bin Tuah K/P 058764 (k); Awang Haji Sharin bin Awang Haji Kassim K/P 044212 (k); Sukin bin Dawar K/P 039142 (k); Awang Abas bin Haji Mohammad K/P 009668 (k); Jahair bin Mokti K/P 059286 (k); Ibrahim bin Sulaiman K/P 057258 (k).

18 JUN, 1992 HARI RABU

Ak. Ibrahim bin Pg Haji Damit K/P 060042 (k); Haji Abd Hamid bin Haji Abd Latif K/P 019091 (k); Ak Pungut bin Pg Abu Bakar K/P 003584 (k); Awang bin Shari @ Awang Mahari K/P 052496 (k); Osman bin Haji Daud K/P 04291 (k); Ahim bin Haji Jaidin K/P 045084 (k); Awang Ahmad bin Haji Ibrahim K/P 041699 (k); Haji Abu Bakar bin Haji Shaari K/P 029401 (k); Amanuddin bin Mohd Sum K/P 042559 (k); Abd Aziz bin Karim K/P 042142 (k); Aisa bin Awang Haji Mohsin K/P 067139 (k); Ak. Majid bin Pg Mumin K/P 048177 (k);

Zainal Abidin bin Haji Mohamad K/P 040560 (k); Md Hassan bin Haji Ismail K/P 061682 (k); Azahari bin Haji Mohd Said K/P 045028 (k); Awang Mat Noor bin Bungsu K/P 052615 (k); Md Daud bin Abu Bakar K/P 056718 (k); Yahya bin Mohammad K/P 012167 (k); Moskin bin Ajak K/P 045031 (k); Ahmad bin Haji Idris K/P 042355 (k); Awang Moridi bin Haji Abu Bakar K/P 046083 (k); Ahmad bin Haji Abdul Rahman K/P 061779 (k); Dayangku Faridah binti Pg Haji Mahmud K/P 060018 (k); Sazali @ Othman bin Matahi K/P 052628 (k); Durani bin Jaludin @ Tuah K/P 051280 (k).

22 JUN, 1992 HARI ISNIN

Abd Kadir bin Latip K/P 052832 (k); Ak. Muhammad bin Pg Besar K/P 051226 (k); Mohd Sahminan bin Awg Besar K/P 048324 (k); Abd Hamid bin PRS Diraja Hj Mohd Salleh K/P 030332 (k); Awg Badarudin bin Awg Murni K/P 060669 (k); Zainin bin Ahmad K/P 008210 (k); Metali bin Yahaya K/P 047562 (k); Awang Amin bin Awang Ibrahim K/P 053136 (k); Awang Labab bin Haji Sahar K/P 048195 (k); Selimah binti Osman K/P 028287 (k); Md Hussin bin Haji Awang Besar K/P 014331 (k); Haji Awang Besar bin Kasim/Hashim K/P 026800 (k); Sabtu bin Bungsu K/P 033661 (k); Mat Daud bin Ibrahim K/P 058350 (k); Abd Lakim bin Haji Judin K/P 063493 (k); Ak Sabtu bin Pg Md Daud K/P 000641 (k); Awang Aji bin Awang Tunjang K/P 048567 (k); Haji Abdul Rahman bin Sheikh Yahya K/P 034079 (k); Yahya bin Durahim @ Abd. Rahim K/P 043885 (k); Mardiana binti Haji Mohd Hashim K/P 000112 (k); Taishah binti Haji Ibrahim K/P 052050 (k); Awang Hamzah bin Md Sidek K/P 051434 (k); Awang Selamah binti Pg Haji Matussin K/P 044294 (k); Ahmad bin Matyassin K/P 046845 (k).

23 JUN, 1992 HARI SELASA

Awang Sani bin Haji Bakar @ Rani K/P 054721 (k); Ak. Haji Rasidi bin Pg Haji Omar K/P 048494 (k); Zainal bin Jaafar K/P 050786 (k); Zainal bin Haji Md Yassin K/P 043862 (k); Oslin bin Lahur K/P 017506 (k); Isa bin Hj. Hamid K/P 063791 (k); Sudin bin Haji Mumin K/P 052124 (k); Awang Ali bin Aji K/P 002078 (k); Salleh bin Haji Asar K/P 047915 (k); Pg Adnan bin Pg Haji Omar K/P 045796 (k); Moslee bin Karim K/P 011141 (k); Dayang Rosseini binti Awang Haji Tajuddin K/P 003141 (k); Mosah bin Amin K/P 045042 (k); Pg Rosli bin Haji Nasir K/P 066695 (k); Pg Hashim bin Pg Metussin K/P 049439 (k); Mail bin Ibrahim @ Ismail bin Haji Ibrahim K/P 041164 (k); Fatimah binti Pakar K/P 062159 (k); Ajjah binti Pehin Penyurat Haji Hashim K/P 060847 (k); Abd Samat bin Hamid K/P 055230 (k); Rosli bin Haji Metali K/P 059244 (k); Abd Samad bin Haji Md Sarah K/P 058487 (k); Aisah binti Abd Rahman K/P 044569 (k); Ali Rahman bin Haji Mohd Jali K/P 050240 (k); Abd Latif bin Haji Nordin K/P 055270 (k); Pg Metassan bin Pg Kahar K/P 022185 (k).

24 JUN, 1992 HARI RABU

Ismail bin Haji Noordin K/P 063594 (k); Morsheidi bin Haji Ludin K/P 038517 (k); Jair bin Tunggal K/P 009746 (k); Ahmad Timbang K/P 033242 (k); Junaidi bin Haji Pakar K/P 051484 (k); Roslan bin Md Yaakub K/P 066884 (k); Pg Mohd. Said bin Pg Haji Sabtu K/P 060697 (k); Zainuddin bin Nordin K/P 051820 (k); Rosinah binti Awang Puteh K/P 051423 (k); Ali bin Leman K/P 052749 (k); Roseni binti Awang Tajuddin K/P 049248 (k); Salbiana @ Sylvia binti Momin K/P 049687 (k); Japar bin Duraman K/P 057610 (k); Salbiah binti awang hidup K/P 052017 (k); Sabli bin Haji Othman/Osman K/P 054832 (k); Awang Timbang bin Aliasim K/P 047381 (k); Mohd Yusof bin Ahmad K/P 055361 (k); Omar bin Haji Untong K/P 019185 (k); Abdul Ghani bin Osman @ Ghani bin Othman K/P 027189 (k); Othman bin Jamudin K/P 051648 (k); Mohd Yunus bin Awang Haji Ering K/P 044000 (k); Mohd Yassin bin Salleh K/P 066550 (k); Ak Hassanuddin bin Pg Hj. Mohamad K/P 056390 (k); Pungut bin Haji Jai K/P 037242 (k); Yassin bin Bungsu K/P 051390 (k).

BERSAMBUNG



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima junjung ziarah bakal-bakal haji di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berangkat bersama dengan Yang Mulia Cik Puan Siti Aishah, Isteri Duli Yang Maha Mulla Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor Darul Ehsan selepas istiadat kunjungan muhibah di Istana Nurul Iman. — Gambar oleh Amat Moksin.

Menerima junjung ziarah bakal-bakal haji

Oleh
Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Mei. — Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah bakal-bakal haji pada musim haji tahun ini yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Di istiadat tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan mengumikan anugerah kain ihram kepada setiap bakal jemaah haji lelaki dan sepasang kain telekung bagi setiap jemaah haji wanita.

Lebih 3,000 orang jemaah haji akan menunaikan fardu haji dalam 12 penerbangan yang bermula pada 15 sehingga 26 Mei depan.

Menurut sumber dari Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama berkata, penerbangan pertama dijadual tiba dari tanah suci pada 16 Jun depan dan diikuti oleh penerbangan seterusnya sehingga 29 Jun depan.

Penuntut bukan rakyat dikenakan bayaran yuran

SALAMBIGAR, 25 April. — Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, mengumumkan mulai sesi 1991-1992 ini bahawa penuntut bukan rakyat negara ini yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah akan dikenakan yuran bayaran mengikut kadar-kadar yang telah ditentukan.

Yang Berhormat mengumumkan perkara ini di Majlis Pelancaran Kursus

Pelajaran Jawi Seluruh Negara Bagi Para Pegawai, Guru-guru dan Kakitangan Kementerian Pendidikan yang berlangsung di Sekolah Menengah Salambigar di sini.

Kelongsaran seperti ini, jelas Yang Berhormat, barang setentunya akan meringankan bebanan mereka setelah mengambil kira keperluan anak-anak yang ibu bapa atau penjaga mereka yang bukan rakyat, iaitu sama ada yang tergolong sebagai kakitangan kerajaan mahupun pihak

swasta yang mana tenaga luar seperti ini mungkin mempunyai sumbangan ke arah perkembangan ekonomi negara.

Kemasukan mereka ke pra-universiti di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah ini, dengan memastikan ianya tidak akan menjejaskan kemasukan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkelayakan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bulqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzliah Lubabul Bulqiah ketika berangkat ke Pertandingan Bintang Kecil. Berite lanjut di muka 13. — Gambar oleh Abdullah HAD.

Sambungan dari muka 1

Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Berangkat sama dalam rombongan Duli Yang Maha Mulla Sultan Selangor Darul

Ehsan itu ialah Yang Amat Mulia Tengku Azman Shah Alhaj ibni Almahrum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj, Tengku Bendahara Selangor dan Isteri, Yang Amat Mulia Tengku Thurayah binti Almarhum Sultan Ibrahim; Yang Amat Mulia Tengku Sulaiman Shah Alhaj ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Tengku Panglima Diraja Selangor dan Yang Amat Mulia Puteri Nor Marina binti Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj serta ahli-ahli kerabat diraja Selangor Darul Ehsan yang lain.

Di istiadat itu, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimulikan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Utus tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 April. — Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulla Baginda Queen Koningin Beatrix Wilhelmina Armgard, Queen Netherlands bersempena dengan "Queen's Day" dan kepada Duli Yang Maha Mulla Raja Carl XVI Gustaf, Raja Sweden bersempena dengan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda masing-masing pada hari ini.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri juga berkenan menghantar perutusan yang sama kepada Tuan Yang Terutama Tuan Hans Van Den Broek, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Netherlands dan Puan Yang Terutama Puan Margaretha Af Uggle, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Sweden.

Duli Yang Teramat Mulia dalam kedua-dua perutusan itu melahirkan keyakinan yang hubungan persahabatan antara Negara Brunei Darussalam dan Netherlands dan Negara Brunei Darussalam dan Sweden akan terus dikembangkan.

چینتاي نگارا تنقا راسواه
CINTAI NEGARA TANPA RASUAH

دزیتکن اوله جیاتن فرائض، جیاتن فردان متری دان دجیتن اوله جیاتن فریتفن کراجان. کمترین اوندغ ۳. نگارا بروني دارالسلام.
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.